

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Pembelajaran bahasa Arab telah lama bertapak di Malaysia bermula daripada peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi, malah ada sesetengah pihak yang tidak menganggapnya sebagai bahasa asing kerana bahasa Arab sangat berkait rapat dengan orang Melayu, Justeru perkembangan ilmu Balaghah Arab juga seiring dengan perkembangan bahasa Arab di Malaysia, ini kerana ilmu Balaghah adalah salah satu asas penting yang terdapat dalam bahasa Arab itu sendiri (Mat Taib bin Pa: 93). Sebagaimana yang diketahui, kedatangan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat Melayu telah memberi kesan kepada bahasa Melayu. Begitu juga Balaghah Arab telah memberi impak yang besar kepada pembentukan retorik Melayu dengan munculnya simpulan bahasa, pepatah dan peribahasa (Azhar Muhammad, 2006:3). Tidak dapat dinafikan peri pentingnya Islam sebagai faktor yang membawa kepada minat masyarakat Islam di Negara ini untuk menguasai bahasa Arab. Tanpa Islam, sukar untuk dibayangkan kecenderungan masyarakat untuk mendalami bahasa ini (Mohd Zulkifli Ismail, 2008: 212).

Balaghah atau pun retorik Arab adalah merupakan satu komponen asas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab selain daripada Nahu dan Øarf. Di Malaysia penekanan lebih diberikan kepada Nahu dan Øarf berbanding Balaghah, sedangkan Balaghah juga merupakan satu komponen yang sama penting dengan Nahu dan Øarf

yang perlu diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Malahan ianya diibaratkan darah daging kepada bahasa Arab. Ia amat penting dalam bahasa Arab terutama kepada pelajar, yang mana dengan mendalaminya ilmu Balaghah ini mereka dapat membezakan antara kalam yang baik dan sebaliknya.

Selain itu ilmu Balaghah juga dapat memudahkan pemahaman terhadap sesuatu teks Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa kesusasteraan. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab akan memudahkan seseorang memahami maksud sesuatu struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam ayat tersebut terutama dalam memahami al-Quran dan hadis. Ini jelas menunjukkan kepentingan mempelajari ilmu Balaghah bagi memahami al-Quran. Begitu juga dengan kandungan hadis Rasulullah yang mengandungi pelbagai kaedah Balaghah yang indah. Dalam hal ini terdapat banyak bukti yang menunjukkan unsur-unsur Balaghah yang terdapat dalam al-Quran dan hadis, antaranya kitab tafsir al-Quran yang ditulis oleh seorang tokoh ulama besar iaitu al-Zamakhsyari. Kitab yang dinamakan Kitab Tafsir al-Kasysyaf itu mentafsirkan al-Quran berdasarkan kepada keindahan Balaghah serta kaedahnya. Begitu juga Dalīl al-Ijāz karangan Qadhi al-Jurjani (471h) serta kitab Majāz al-Quran yang ditulis oleh Abu Ubaidah (206h), kitab-kitab ini banyak menghuraikan tentang mukjizat-mukjizat yang terdapat dalam al-Quran.

Para pakar bahasa apabila ingin menafsirkan satu ayat atau menetapkan makna dari satu kata yang sukar difahami, mereka akan merujuk kepada syair Jahiliyah yang menggunakan perkataan tersebut berserta makna dan gaya bahasanya. Hal ini khususnya bagi tafsir yang banyak menggunakan penterjemahan dari sudut bahasa contohnya Tafsir Al-Kasysyaf karya al-Zamakhsyari (w. 538). Kesan daripada fenomena inilah terhasilnya produk kesusasteraan (adab) seperti buku kompilasi syair, makna kosakata, khīrāt, dan khazanah sastera lainnya. Antara tujuan buku-buku ini ditulis adalah demi menjaga dan memartabatkan al-Quran itu sendiri.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Tradisi ilmu di Terengganu bersemarak dengan peranan umara' yang meletakkan ulama' sebagai penasihat istana. Imbauan sejarah Islam di Terengganu menyaksikan sultan Zainal Abidin I menjadikan ulama' sebagai penasihat istana, tetamu, mufti dan syeikhul ulama'. Apa jua gelaran yang diberi menggambarkan hubungan rapat pemimpin dengan ulama' yang menyemarakkan lagi perkembangan Islam di Terengganu. Kemuncak penyebaran Islam di Terengganu adalah di zaman Sultan Zainal Abidin III. Istana telah menjadi pusat penyebaran ilmu agama. Berdamping rapat dengan ulama' telah menjadi kebiasaan kepada baginda. Ini telah memberikan ruang yang besar kepada ulama' seperti Tok Ku Paloh dan Tok Syeikh Duyong untuk sama-sama mewarnai citra keislaman di Terengganu. Baginda sendiri mencemar duli menuntut ilmu di rumah-rumah ulama' dan dikatakan baginda selalu berulang alik ke Paloh untuk berguru dengan Tok Ku Paloh.

Sebilangan ulama' dan ilmuwan mengakui Sultan Zainal Abidin III adalah di antara Sultan Melayu yang paling alim pada zamannya. Dua ulama' yang berasal dari dunia Melayu di Mekah yang paling dekat dan menjadi rujukan pelbagai masalah baginda, ialah Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani (Syeikh Nik Mat Kecik) dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Sesuatu permasalahan yang sukar diselesaikan oleh Sultan Zainal Abidin III akan sentiasa dirujuk kepada kedua-dua ulama di Mekah itu dengan cara mengutus surat atau ada kalanya menghantar utusan yang khusus.

Pertumbuhan dan perkembangan Islam di Terengganu memberi ruang kepada pertumbuhan institusi pondok yang diasaskan oleh Tok Pulau Manis di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733M) sebagai pusat pengajian Islam. Ini telah mendorong kepada penubuhan sekolah agama atau madrasah Arab. Pada tahun

1925, sebuah madrasah al-Arabiyah telah ditubuhkan di Terengganu dan telah ditukarkan namanya kepada Madrasah Sultan Zainal Abidin pada tahun 1933. Penubuhan ini telah mendapat sokongan dan galakan daripada istana dan sultan pada ketika itu iaitu Sultan Terengganu yang ke 13, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942M). Nama Madrasah Sultan Zainal Abidin itu mengambil sempena nama baginda almarhum Sultan Zainal Abidin III yang terkenal dengan sifat warak dan berpegang kuat dengan ajaran Islam.

Pada tahun 1980, kerajaan negeri Terengganu di bawah pimpinan Y.A.B Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Wan Haji Mokhtar Ahmad selaku Menteri Besar Terengganu ketika itu telah menubuhkan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Gong Badak, Kuala Terengganu. Penubuhan KUSZA telah memartabatkan pendidikan berorientasikan Islam di Terengganu khususnya, dan di Malaysia amnya. KUSZA telah melahirkan ramai ilmuwan yang telah memberi sumbangan besar kepada negara terutama dalam pembangunan modal insan.

Pada tahun 2006, KUSZA telah menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman Malaysia (UDM). Kemudian pada 13 Mei 2010, nama Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah ditukar menjadi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui perintah Universiti Darul Iman Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010. Dengan penukaran ini sekali lagi nama Sultan Zainal Abidin yang alim, berperibadi mulia dan berjiwa rakyat diabadikan pada sebuah institusi pengajian tinggi awam negara. Semoga legasi ketekunan baginda Sultan Zainal Abidin khususnya Sultan Zainal Abidin III, dapat dijadikan contoh bagi warga UniSZA dan meletakkan UniSZA di persada antarabangsa.

Universiti Sultan Zainal Abidin merupakan di antara institusi pengajian agama di Malaysia dan ia merupakan institusi pengajian agama yang disegani di negeri

Terengganu. Institusi ini telah lama bertapak dan menjadi pilihan rakyat Terengganu untuk mendalami ilmu agama. Institusi yang terkenal dengan penekanan terhadap bahasa Arab ini diharapkan dapat menyebar luaskan bidang bahasa al-Quran. Kini pengajaran bahasa Arab diletakkan di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Fakulti ini menawarkan pelbagai kursus bahasa Arab dan antaranya ialah subjek Balaghah sebagai subjek yang wajib diambil oleh pelajar diploma semester lima dan enam. Terdapat dua pembahagian ilmu Balaghah bagi pelajar semester lima dan enam. Pada semester lima mereka didedahkan dengan perkembangan Balaghah serta ilmu BayÉn, manakala di semester enam pula mereka akan diajar ilmu Ma'ÉnÊ dan ilmu BadÊ'. Pelajar-pelajar diwajibkan lulus dalam kedua-dua kursus ini.

Secara asasnya, pelajar-pelajar ini telahpun didedahkan kepada hampir sebahagian besar kandungan ilmu Balaghah, malah majoriti dalam kalangan mereka juga telah didedahkan dengan ilmu Balaghah semasa di sekolah menengah, jadi sewajarnya tidak ada alasan untuk mereka tidak menguasai bidang yang sangat penting ini.

Latar belakang UnISZA yang berteraskan pendidikan Islam dan bahasa Arab inilah yang menjadikan asas kepada penulis untuk menjalankan kajian ini. Setelah hampir 30 tahun ianya ditubuhkan, hasrat untuk melahirkan pelajar yang benar-benar mahir dan menguasai bahasa Arab secara amnya dan Balaghah khususnya masih belum tercapai. Hanya segelintir daripada mereka yang betul-betul berminat untuk mempelajari dan mengkhususi bidang ini diperangkat pengajian yang lebih tinggi. Menurut Sharifah Alwiyah (1984:96), minat merupakan daya penggerak kepada seseorang untuk memberi perhatian kepada seseorang yang lain, benda, kegiatan dan sebagainya. Ia menunjukkan kepada kita aspek minat menjadi peranan utama dalam memupuk para pelajar agar suka terhadap Balaghah khususnya dan bahasa Arab amnya, sekaligus dapat membantu mereka menguasai ilmu ini.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pengajian ilmu Balaghah telah lama diperkenalkan kepada pelajar aliran agama di Malaysia melalui institusi-institusi pendidikan agama di seluruh Negara. Bermula dengan sistem pendidikan pondok hingga ke pendidikan moden yang menawarkan pendidikan agama dan Arab. Sehingga ini sistem pengajian agama telah berkembang maju seiring dengan perkembangan sistem pendidikan Negara. Melalui sukanan Kementerian Pelajaran Malaysia, Balaghah telah diperkenalkan atas pembelajarannya di dalam mata pelajaran Bahasa Arab di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Manakala bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Balaghah merupakan satu subjek yang tersendiri tanpa diselitkan dalam subjek Bahasa Arab. Seterusnya, ia terus diperkenalkan ke tahap yang lebih tinggi, iaitu di peringkat IPT (Azhar bin Muhammad, 2006:8).

Walaupun ilmu Balaghah telah lama diperkenalkan bermula di peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi, rata-rata kajian mendapati pelajar masih lagi lemah dalam menguasai ilmu Balaghah terutama apabila mereka mengikuti kursus ini di peringkat universiti. Ini menyebabkan mereka terpaksa diajar semula tentang perkara-perkara asas ilmu Balaghah dan menyebabkan sukanan pelajaran di peringkat universiti tidak berkembang ke tahap yang sepatutnya. Asas ini telah mendorong pengkaji melakukan sebuah kajian bagi mengetahui sikap dan kemampuan pelajar dalam bidang ini diperingkat IPT yang sepatutnya telah mampu untuk mendalami bidang ini dengan baik. Selain itu, pengkaji juga mendapati, amat kurang sekali kajian yang dibuat tentang bidang retorik Arab di Malaysia terutama di peringkat tinggi.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian yang bakal dilaksanakan ini bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar di peringkat tinggi terhadap ilmu Balaghah. Manakala objektif khususnya ialah:

- 1.3.1 Mengenalpasti minat pelajar terhadap ilmu Balaghah.
- 1.3.2 Meninjau pengetahuan pelajar dalam ilmu Balaghah.
- 1.3.3 Mengenalpasti kesukaran yang dihadapi pelajar dalam mempelajari ilmu Balaghah.
- 1.3.4 Melihat keberkesanan pembelajaran ilmu Balaghah dalam kalangan pelajar.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berteraskan kepada objektif kajian yang akan dijalankan, pengkaji berharap soalan-soalan berikut bakal terjawab:

- 1.4.1 Bagaimakah minat pelajar terhadap ilmu Balaghah?
- 1.4.2 Sejauh manakah pengetahuan pelajar dalam ilmu Balaghah?
- 1.4.3 Apakah kesukaran yang dihadapi pelajar dalam mempelajari ilmu Balaghah?
- 1.4.4 Apakah pembelajaran Balaghah yang mereka ikuti berkesan?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar IPT terhadap ilmu Balaghah. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat sukanan pelajaran serta kaedah yang digunakan adakah ia sesuai kepada pelajar-pelajar IPT. Disamping itu kajian ini akan meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu Balaghah. Selaras dengan itu, kajian yang akan dilakukan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pensyarah yang mengajar kursus ini,

manakala hasil kajian ini kelak diharapkan dapat memberi garis panduan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang paling sesuai digunakan untuk mata pelajaran Balaghah terutama sekali di Universiti Sultan Zainal Abidin (UnISZA), sekaligus mampu untuk membangkitkan semangat para pelajar agar cintakan bahasa al-Quran tersebut secara amnya dan bidang Balaghah khususnya.

### **1.6 Batasan dan Skop Kajian**

Penyelidikan ini hanya akan mengkaji perkara yang berkaitan dengan penguasaan ilmu Balaghah yang terbatas kepada sampel yang diambil daripada pelajar diploma semester enam daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Selain itu, ia juga terhad kepada sukatan pelajaran untuk semester enam sahaja, iaitu bahagian ilmu Ma’ani serta ilmu BadÊ’. Antara kandungan sukatan yang diajar dalam ilmu al-Ma’ÉnÊ ialah; pembahagian kalam kepada khabar dan insyÊ’, seterusnya al-fasl dan al-wasl, dan akhir sekali al-ÊjÉz, al-iÍnab dan al-musÉwÉh. Manakala di dalam ilmu BadÊ’ pula, tajuk yang diajar ialah; Íibaq, muqÉbalah, tauriyah, mubÉlaghah, husnu al-ta’lÎl. Semua pelajar semester enam akan dijadikan sampel kajian memandangkan mereka telah mempunyai asas dalam ilmu Balaghah termasuklah ilmu BayÉn semasa semester ke lima.

### **1.7 Kajian-Kajian Lepas**

1.7.1 Satu kajian telah dibuat oleh Azhar bin Muhammad (2006), berkaitan dengan keberkesanan pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah di sekolah-sekolah menengah agama (SMA) kerajaan Johor. Kajian ini bertujuan mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah ini, selain itu mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab di kalangan pelajar dan pengaplikasian ilmu ini

dalam gaya bahasa mereka. Seramai 320 orang pelajar dari tingkatan lima sekolah-sekolah menengah agama di Johor telah dipilih sebagai sampel. Kajian ini menggunakan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai persepsi dan minat yang mendalam terhadap ilmu Balaghah dan kajian juga telah menunjukkan bahawa pengajaran Balaghah di sekolah yang dipilih berkesan dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap ilmu Balaghah. Namun terdapat juga beberapa masalah yang dikenalpasti dihadapi pelajar mampu mengganggu mereka untuk menguasai ilmu ini dengan sebaik mungkin. Akhirnya penyelidik telah mencadangkan beberapa langkah yang boleh diperhatikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pengurusan sekolah dan juga para guru.

- 1.7.2 Satu kajian lain tentang Balaghah ini telah dijalankan oleh Rosni bin Samah dan Marwan Ismail. Kajian ini berkisarkan tentang penguasaan Balaghah dan permasalahannya di kalangan pelajar-pelajar (STAM). Kajian ini dijalankan di sekolah agama negeri Selangor. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar dalam pengajian ilmu Balaghah ini, serta permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Bagi mendapatkan data kajian, borang soal selidik telah dirangka khusus bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar melalui soalan-soalan subjektif bagi menguji tahap kefahaman mereka terhadap tajuk-tajuk yang telah dipelajari. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar melalui soalan-soalan deskriptif yang mempunyai skala tertentu untuk dipilih oleh responden. Borang soal selidik tersebut diedarkan kepada 252 orang pelajar yang terdiri daripada lima buah sekolah menengah agama di negeri Selangor. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar sasaran terhadap subjek ini terlalu

lemah. Ini kerana pembelajaran mereka berorientasikan hafalan contoh-contoh dan kaedahnya, serta kurang penekanan kepada unsur aplikasi. Turut dikenalpasti, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar yang berhubung dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan buku teks. Saranan dan cadangan turut dikemukakan bagi menangani masalah tersebut.

- 1.7.3 Abdullah Tahmin (1999:113) menyatakan bahawa apa yang diperhatikan dalam pengajaran ilmu Balaghah di sekolah-sekolah di Malaysia ialah contoh-contoh yang sukar difahami. Maknanya, contoh-contoh lama daripada bait-bait syair yang sememangnya lebih sukar bahasanya kalau dibandingkan dengan bahasa prosa. Kalau bait syair itu sendiri tidak dapat difahami dengan baik, sudah tentu ia tidak dapat menjelaskan maksud. Satu tinjauan ringkas telah dijalankan di kalangan pelajar tahun dua dan tiga akademi Islam. Tinjauan ini mendapati mereka hampir mempunyai pendapat yang sama, iaitu masalah yang dihadapi dalam mempelajari ilmu Balaghah ialah contoh-contoh yang diberikan tidak dapat difahami dengan baik. Selain apa yang disebutkan di atas, beliau juga menyatakan para pelajar yang mempelajari Balaghah tidak mengetahui tujuan mereka mempelajari ilmu tersebut. Dalam tinjauan yang sama, didapati 80% daripada pelajar berkenaan mengatakan bahawa mereka kurang jelas tentang matlamat mereka belajar Balaghah. Di sini jelas menunjukkan bahawa guru dan pensyarah itu sendiri berperanan dalam memberi kefahaman kepada pelajar. Kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Husaimi Othman (1999:122), pengkaji mendapati masalah yang dihadapi pelajar berpunca daripada guru dan buku teks yang digunakan. Para pelajar tidak dapat memahami teks bahasa Arab yang digunakan, terutamanya Balaghah. Ini

menyebabkan mereka hilang minat untuk belajar, guru pula masih banyak bersyarah serta kurang memberikan latihan dan aplikasi.

- 1.7.4 Secara kesimpulannya daripada tinjauan lepas ini pengkaji mendapati kajian terhadap ilmu Balaghah ini telah dilaksanakan diperingkat sekolah menengah, dan belum ada kajian mendalam yang dijalankan di peringkat tinggi, dan ianya hanya berkisarkan tentang penguasaan dan permasalahan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari ilmu ini, walau bagaimanapun keseluruhan kajian telah mencapai objektif masing-masing.

## **1.8 Metodologi Kajian**

### **1.8.1 Rekabentuk Kajian**

Pengumpulan data dan maklumat yang ingin diperolehi boleh dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Pengkaji akan menggunakan metod kajian soal selidik untuk mengumpulkan semua data primer yang dikehendaki. Manakala bagi data sekunder pula, pengkaji akan menggunakan metod kajian perpustakaan untuk mendapatkan segala maklumat. Selain soal selidik, satu ujian pencapaian Balaghah akan dijalankan bagi menilai tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu ini secara umum.

### **1.8.2 Lokasi Kajian**

Lokasi kajian ialah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang terletak di Gong Badak, Terengganu.

### **1.8.3 Sampel Kajian**

Sampel kajian terdiri daripada pelajar diploma semester akhir (enam), semua pelajar akan mengambil bahagian dalam kajian ini. Jumlah pelajar bergantung kepada kehadiran mereka pada hari kajian dijalankan. Pengkaji memilih pelajar semester enam kerana mereka telah mempunyai asas dalam ilmu Balaghah dan telah mempelajarinya pada semester lima.

### **1.8.4 Instrumen Kajian**

Bagi mengutip data, instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang akan diedarkan kepada responden. Item-item soal selidik diadaptasi daripada kajian lepas yang telah dijalankan oleh Azhar bin Muhammad (2006). Bagi tujuan ini, pengkaji telah memohon kebenaran daripada beliau melalui utusan e-mail untuk menggunakan soal selidik tersebut, beliau juga telah memberi kebenaran. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama berkenaan latar belakang pelajar, manakala bahagian kedua terdiri daripada beberapa bahagian yang berkaitan persepsi serta pengetahuan pelajar terhadap ilmu Balaghah. Selain itu, satu ujian pencapaian Balaghah juga akan dijalankan bagi melihat tahap penguasaan pelajar.

## **1.9 Definisi Terminologi**

Di dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang memerlukan penjelasan agar ia tidak menimbulkan salah faham mengenai maksud perkataan yang tersebut. Penjelasan terhadap maksud perkataan-perkataan tersebut adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dilaksanakan iaitu:

### **“Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT”**

#### **1.9.1 Penguasaan**

Menurut Kamus Dewan (1989:663, 664), penguasaan membawa maksud perihal menguasai atau menguasakan. Apabila dirujuk kepada kata akar bagi perkataan ini iaitu kuasa, ia membawa maksud daya atau kemampuan (untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu). Maka, perkataan penguasaan yang digunakan di sini ialah untuk menunjukkan perihal kemampuan untuk menguasai ilmu Balaghah yang dipelajari.

#### **1.9.2 Balaghah**

Balaghah merupakan istilah bahasa Arab yang juga dikenali dengan ilmu Retorik. Istilah Retorik menurut Kamus Dewan (1989) bermaksud pemakaian kata-kata indah (dalam pidato dan lain-lain), penggunaan kata-kata atau cara ucapan untuk mempengaruhi orang dan sebagainya. Retorik yang dimaksudkan oleh penulis adalah ilmu retorik Arab atau istilah yang digunakan di dalam bahasa Arab ialah Balaghah. Balaghah juga adalah salah satu kaedah yang penting di dalam kesusasteraan Arab.

### **1.9.3 Pelajar IPT**

Menurut Kamus Dewan (1989), pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya). Manakala IPT adalah singkatan daripada Institusi Pengajian Tinggi. Pelajar yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar dari Universiti Sultan Zainal Abidin(UniSZA). Pelajar yang dimaksudkan di sini juga ialah pelajar Diploma Pengajian Islam yang dipilih sebagai responden.

## **1.10 Kesimpulan**

Kajian ini adalah satu kajian yang akan memperlihatkan penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar di peringkat IPT. Subjek ataupun kursus Balaghah ini merupakan salah satu subjek yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar Pengajian kontemporari Islam di UniSZA. Ilmu Balaghah ini merupakan satu komponen yang sangat kritikal dan perlu dikuasai oleh pelajar pengajian Islam amnya dan bahasa Arab khususnya. Ini disebabkan oleh kedudukan ilmu ini yang sangat berkait rapat dengan pengajian bahasa Arab dan juga pengajian Islam. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa elemen-elemen Balaghah sangat banyak didapati dalam al-Quran dan hadis. Selain itu, ilmu Balaghah ini juga penting dalam membina dan memahami struktur ayat sastera yang penuh dengan nilai-nilai keindahan.

## **BAB DUA**

### **PENGENALAN TENTANG BALAGHAH**

#### **2.0 Pendahuluan**

##### **Sejarah Ringkas Tentang Bahasa Arab**

Di dalam sebuah buku sejarah Inggeris, perkataan Arab membawa makna ‘lahr’ iaitu padang pasir. Ini mungkin dinisbahkan kepada keadaan muka bumi di kepulauan Arab yang dilitupi padang pasir, contohnya Syria, Mesir dan Madinah (Ali Ibrahim Hassan: 25). Penduduk Arab ini terbahagi kepada dua golongan ataupun dua lapisan yang besar, iaitu golongan pertama yang dikenali dengan Arab bE’idah iaitu golongan yang tidak wujud lagi dan telah lama pupus, contohnya kaum ‘Ód dan ThamE’d yang telah dimusnahkan sebagaimana diceritakan dalam al-Quran. Golongan ini juga dinamakan Arab ‘Óribah. Manakala golongan kedua ialah Arab Muta‘arribah ataupun Musta‘ribah. Mereka ialah keturunan Ismail bin Ibrahim. Arab ‘Óribah dianggap kaum yang tertua di JazErah (kepulauan) Arab. Mereka juga dikenali dengan nama SEmiyyE’n. Golongan Musta‘ribah atau Muta‘arribah lebih dikenali dengan nama ‘AdnEniyyE’n dan QahtEniyyE’n. Arab QahtE’n tinggal di Yaman dan ianya dinasabkan kepada QahtE’n bin ‘AbE'r. Manakala ‘AdnEniyyE’n dinasabkan kepada Ismail bin Ibrahim. Kesimpulannya asal usul bahasa Arab ini adalah bertitik tolak daripada percampuran bahasa antara kedua-dua golongan ini (Ali Ibrahim Hassan, 31:34).

Ada juga pendapat yang mengatakan, sekiranya disingkap sejarah dan asal-usul bahasa Arab samaada sebelum atau selepas kedatangan Islam, ternyata bahasa Arab mempunyai persamaan dengan bahasa serumpun dengannya yang dituturkan oleh orang-orang Ibri, Habasyi, ArÉmiyyah dan selainnya (Rafa'il Nakhlah alYasu'iy, 1986:87).

Kemajuan dan perkembangan pesat bahasa Arab ini bermula sejak penurunan al-Quran dalam bahasa Arab yang merupakan mukjizat yang paling agung di dunia ini. Justeru itu, bahasa Arab secara tidak langsung menjadi bahasa komunikasi seluruh umat Islam di dunia, di samping hadis Rasulullah s.a.w juga diabadikan dalam bahasa Arab. Semua ilmu Islam di peringkat permulaan ditulis dalam bahasa ini, dan penyebaran dakwah Islam di seluruh dunia di peringkat awal juga menggunakan bahasa Arab (Abd Rauf Hassan Azhari). bahasa Arab berasal dari bahasa Smit, yakni bahasa yang digunakan oleh kabilah-kabilah Arab purba yang mendiami daerah Asia Barat. Bahasa Arab diambil daripada putra Sam bin Nuh, namun kaum ini telah pupus. Mereka dikenali dengan nama Arab BÉ'idah manakala peraturan tata bahasanya sudah tidak dikenal lagi.

Antara faktor utama mengapa bahasa Arab tidak dipengaruhi bahasa asing ialah kerana bangsa Arab adalah bangsa yang tidak pernah dijajah. Mereka juga tidak banyak bergaul dengan bangsa luar disebabkan keadaan daerah mereka yang terpencil.

## **2.1 Sekilas Perkembangan Bahasa Arab**

Sejarah perkembangan bahasa Arab telah me beberlalui beberapa peringkat zaman, iaitu:

1. **Jahiliyyah:** Pada masa ini telah muncul nilai-nilai pembentukan bahasa Arab fusha, dengan adanya beberapa kegiatan utama yang telah menjadi tradisi masyarakat Makkah. Aktiviti tersebut berupa festival syair-syair Arab yang diadakan di pasar ‘UkÉD, MajÉnah, Dzu al Majah. Kesannya, bahasa Arab digunakan secara meluas, yang pada akhirnya kegiatan tersebut dapat memartabatkan bahasa Arab fusha dan kesusasteraan.

2. **Zaman Kedatangan Islam:** Turunnya al-Quran dengan membawa kosa kata baru dengan jumlah yang sangat luar biasa banyaknya menjadikan bahasa Arab sebagai suatu bahasa yang sempurna samada dari sudut mufradÉt, makna, tatabahasa dan ilmu-ilmu lain. Disamping itu, Islam juga menjadi kuasa penjajah yang besar di bawah pemerintahan daulah Umayyah. Setelah berkembangnya kekuasaan Islam, maka orang-orang Islam Arab berpindah ke serata negeri, sehingga pada zaman KhulafÉ’ al-RÉsyidÊn.

3. **Zaman bani Umayyah:** Islam menjadi kuasa penjajah yang sangat besar, sehingga mampu meluaskan empayaranya. Kesan daripada perluasan empayar ini, orang-orang Arab bercampur dengan penduduk asli di dalam negara jajahan. Justeru, mereka mengambil peluang ini untuk menyebarkan bahasa Arab ke wilayah-wilayah yang dijajah. Mereka mengasimilasikan bahasa Arab dalam berbagai aspek, contohnya agama dan pergaulan.

4. **Zaman bani Abasiyyah:** Bahasa Arab semakin berkembang pada zaman pemerintahan Abasiyah, malah bahasa Arab dijadikan bahasa rasmi. Antara usaha yang dijalankan bagi memartabatkan bahasa Arab ialah melaksanakan kegiatan mengkaji serta mentafsir al-Quran dalam cabang-cabang disiplin ilmu pengetahuan, baik ilmu

agama ataupun ilmu pengetahuan lainnya. Bahasa Arab tidak lagi berpaksi pada agama semata-mata, malah sebagai jalan untuk menguasai ilmu-ilmu lain. Bahasa Arab Badwi pula tetap dipertahankan dan dianggap sebagai bahasa yang bermutu tinggi dan murni, yang harus dikuasai oleh putera-putera bani Abas serta pemimpin-pemimpin, malah golongan kebanyakan juga turut menguasai bahasa Arab. Pada abad ke empat hijrah, bahasa Arab fusha sudah menjadi bahasa tulisan untuk tujuan politik, kebudayaan dan ilmu pengetahuan. Bahasa Arab mulai dipelajari melalui buku-buku, sehingga bahasa fusha berkembang dan meluas.

**5. Peringkat ke lima:** Sesudah abad ke 5 hijrah, bahasa Arab tidak lagi menjadi bahasa politik dan pemerintahan, tetapi hanya menjadi bahasa agama. Hal ini terjadi setelah dunia Arab terpecah dan diperintah oleh kuasa politik bukan Arab iaitu; “Bani Saljuk” yang menjadikan bahasa Persia sebagai bahasa rasmi negara Islam dibahagian timur, sementara Turki Uthmani yang menguasai dunia Arab yang lainnya menjadikan bahasa Turki sebagai bahasa utama dalam pemerintahan. Ketika ini, bahasa Arab tidak lagi disanjung, serta mengalami zaman kemerosotan.

**6. Bahasa arab pada zaman baru:** Setelah mengalami zaman kemerosotan yang agak lama, akhirnya timbul kesedaran dari kaum intelektual Mesir yang banyak dipengaruhi oleh golongan intelektual Eropah yang datang ke negara Arab. Antara perkembangan positif yang berlaku ialah:

- a. Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar di sekolah. Kuliah-kuliah disampaikan dalam bahasa Arab.
- b. Munculnya gerakan menghidupkan warisan budaya lama dan menghidupkan kembali penggunaan kosa kata asli yang berasal dari bahasa fusha.

- c. Adanya gerakan yang yang menggalakkan supaya mencetak kembali buku-buku sastera Arab dari zaman-zaman terdahulu dalam jumlah yang sangat besar, selain berjaya menerbitkan buku-buku dan kamus bahasa Arab.
- d. Munculnya kesedaran dari intelektual Arab yang mempertahankan bahasa Arab dari berbagai kritikan yang datang daripada bukan Arab atau dari orang Arab sendiri untuk mempertahankan bahasa Arab, ia bukan hanya sebagai bahasa agama, malah sebagai bahasa budaya dan bangsa.
- e. Adanya usaha-usaha pembinaan dan pengembangan bahasa Arab seperti Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah pada tahun 1934 di Mesir. Tujuannya untuk memelihara keutuhan dan kemurnian bahasa fusha dan melakukan usaha-usaha pengembangan agar menjadi bahasa yang dinamis, maju dan mampu memenuhi tuntutan kemajuan dunia ilmu pengetahuan, teknologi dan budaya.
- f. Mendirikan lembaga pendidikan khususnya pengajaran bahasa Arab seperti di Universiti al-Azhar dengan memperkenalkan jurusan bahasa Arab. Perhatian bangsa Arab terhadap bahasa Aran ini tidak hanya berlaku di Mesir tetapi berlaku juga di negara di negara Arab lainnya.

## **2.2 Pentingnya Bahasa Arab**

Bahasa adalah lambang ketamadunan setiap umat manusia dan bangsa di dunia. Ianya sebagai alat komunikasi dan perhubungan setiap individu dan masyarakat, juga merupakan cara atau wasilah untuk menyampaikan perasaan, kehendak, serta keperluan. Kita sentiasa mendengar ungkapan “Bahasa jiwa bangsa” kerana cacatnya bahasa sesuatu bangsa menunjukkan cacatnya bangsa itu sendiri. Begitu juga dengan bahasa Arab yang sejak berkurun-kurun menjadi kebanggaan bangsa Arab kerana keistimewaan yang terdapat padanya tidak mungkin terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Keistimewaan bahasa Arab ini terletak pada rima huruf dan perkataannya, kosa kata

yang luas, perumpamaan yang indah, kedalaman makna yang menyeluruh, ta'bir ayat yang ringkas tetapi padat, serta i'rÉb.

Jika dilihat dari sudut sejarah, (Motgomery watt, 1990) berpendapat: "Dua faktor utama yang menjadikan bahasa Arab sangat penting ialah: pertama untuk menguasai asas-asas umum tata bahasa bagi tujuan penafsiran ayat-ayat al-Quran, dan kedua untuk mengetahui makna-makna perkataan yang tidak diketahui maksudnya".

Al-Quran telah menjadi tunjang utama agama Islam dan menjadi panduan bagi umatnya sejak dulu bahkan sampai sekarang ini. Dalam pemahaman ayat-ayat al-Quran, penulis Barat sendiri mengakui bahawa bahasa Arab memberikan makna yang lebih menyeluruh dibandingkan dengan bahasa Inggeris.

Setelah Islam melalui zaman kekuasaannya, maka tersebarlah agama Islam ke seluruh pelosok dunia. Kesan daripada itu, bangsa Arab mula bercampur dengan bangsa-bangsa lain seperti bangsa Romawi, Paris dan Eropah. Bahasa Arab mulai bercampur dengan bahasa-bahasa daerah penaklukan tadi. Justeru itu, timbul kebimbangan khalifah Ali bin Abi Thalib mengenai bahasa tersebut akan hilang keasliannya.

Antara langkah-langkah yang diambil khalifah Ali bin Abi Thalib bagi menjaga bahasa Arab ialah, mewujudkan ilmu tata bahasa Arab (llmu Nahu). Antara ulama' yang bertanggungjawab dalam penulisan tatabahasa Arab ini ialah Abu al-Aswad Al-Dua'liy (wafat 19H), Nasar bin 'Asim (wafat 86H), dan Abdurrahman bin Hurmuz (wafat 117H). Kesan daripada perkembangan tatabahasa Arab maka timbulah dua aliran nahu iaitu daripada ulama' Kuffah dan ulama' Basrah.

### **2.3 Ilmu-ilmu bahasa Arab**

Bahasa Arab mempunyai cabang-cabang ilmu yang sangat luas. Sasterawan-sasterawan Arab telah menetapkan 13 cabang ilmu "Ulum al 'Arabiyyah" atau dikenali juga dengan linguistik Arab antaranya ialah:

1. Ilmu al-Lughah: Ilmu pengetahuan yang menguraikan kata-kata (lafaz) Arab bersamaan dengan maknanya. Dengan pengetahuan ini, kita akan dapat mengetahui asal sesuatu perkataan serta penggunaannya, samaada dalam penulisan mahupun pertuturan.
2. Ilmu Nahu: Ilmu pengetahuan yang membahas perihal kata-kata Arab, samada perkataan itu tidak berada dalam ayat maupun ketika berada dalam ayat. Dengan kaidah-kaidah ini, kita dapat mengetahui baris akhir sesuatu perkataan. Perkataan yang tetap barisnya dinamakan (mabnÊ), manakala perkataan yang berubah barisnya dinamakan (mu'rab).

Tujuan ilmu-ilmu ini adalah untuk menjaga kesalahan-kesalahan dalam penggunaan bahasa, serta untuk menghindarkan kesalahan makna dalam memahami al-Quran, Hadis, tulisan-tulisan ilmiah atau karangan.

Antara istilah-istilah yang terdapat dalam tata bahasa atau sintaksis Arab ialah fi'il dan harf, jumlah ismiyyah dan fi'liyyah serta syibhu jumlah. Dalam ilmu Nahu, banyak lagi istilah dan persoalan yang dihadapi dapat diteliti dari buku-buku Nahu yang tersebar dengan luas. Antara pakar-pakar Nahu pada masa itu adalah Ali bin Ali Thalib beserta sahabatnya.

3. Ilmu Øarf (Morfologi Arab): Ilmu pengetahuan yang menghuraikan tentang bentuk asal kata. Melalui ilmu ini, dapat dikenali kata dasar dan kata bentukan,

dikenal pula afiks, sufiks dan infiks, kata kerja yang sesuai dengan masa dan lain-lain lagi. Pengasas ilmu ini adalah Mu'Édz bin Muslim.

4. Ilmu al-'AruÌ: Ilmu yang membahas hal-hal yang bersangkutan dengan karya sastera, syair dan puisi. Ilmu 'AruÌ membahaskan tentang wazan-wazan (timbang) syair dan tujuannya adalah untuk membezakan proses dalam puisi serta membezakan syair dan bukan syair. Di dalam ilmu 'AruÌ ini, kita dapat mengenali bahar syair, contohnya: bahar madÊd, bahar basÊÏ, bahar wÊfir, bahar kÊmil, bahar hijÊz, bahar sarÊ‘, bahar munsariÍ, bahar khafÊf dan banyak lagi.
5. Ilmu InsyÉ: Iaitu ilmu pengetahuan tentang penulisan dan mengarang surat, buku, pidato, cerita, artikel dan sebagainya. Ianya penting sebagai panduan dalam penulisan.
6. Ilmu BadÊ‘: Iaitu pengetahuan tentang seni sastera. Pengasas ilmu ini ialah Abdullah bin Mu'taz. Ilmu ini ditujukan untuk menguasai sastera bagi memudahkan seseorang dalam meletakkan kata-kata yang sesuai pada tempatnya, sehingga kata-kata tadi menjadi indah, sedap didengar dan mudah diucapkan.
7. Ilmu BayÉn: Ilmu yang menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengetahui makna yang terkandung dalam kalimÉt, pengasasnya adalah Abu Ubaidah yang menyusun pengetahuan ini dalam "Mu'jaz al-Quran", kemudian disusuli dengan imam Abdul QÊhir, dan disempurnakan oleh pujangga-pujangga Arab lainnya seperti al-JÉhiÐ, Ibnu Mu'taz, Qudamah dan Abu Hilal al-'Askariy. Dengan ilmu ini, akan diketahui rahsia bahasa Arab dalam prosa dan puisi, keindahan sastera al-Quran dan Hadis. Tanpa mengetahui ilmu ini, seseorang tidak akan dapat menilai apalagi memahami isi al-Quran dan sabda nabi dengan sebaiknya.

8. Ilmu Ma‘ÉnÊ: Iaitu pengetahuan untuk menentukan beberapa kaedah pemakaian kata, sesuai dengan keadaan (situasi dan kondisi). Dalam istilah, disebutkan "muïÉbiq li al-muqtaìÉ al-hÉl". Tujuannya untuk mengetahui i'jÉz al-Quran, serta keindahan sastera al-Quran yang tiada taranya.

Demikian pembahagian ilmu lughah al-‘Arabiyyah yang dipetik daripada Pengantar Sastera Arab (Said Fuad. 1984, 98-106). Kesimpulannya, bidang ilmu Balaghah (semantik Arab) terangkum dalam komponen ilmu Bayan, Ma'ani dan Badi'. Ilmu-ilmu bahasa Arab ini sememangnya saling berkaitan dan mempunyai nilai tersendiri, setiap ilmu adalah penting untuk kita menguasai bidang bahasa Arab dengan baik. Maka seharusnya setiap satu ilmu ini perlulah diambil berat. Namun begitu apa yang dapat kita perhatikan ilmu Balaghah masih kurang diberi perhatian berbanding ilmu-ilmu lain, sebagaimana tatabahasa (nahu dan Îarf)

## 2.4 ILMU BALAGHAH

### 2.4.1 Pengertian Ilmu Balaghah

Untuk lebih mengetahui tentang ilmu Balaghah, perlulah kita mendalami makna dan pengertian ilmu Balaghah itu sendiri. Selain itu, harus juga kita mengetahui huraihan tentang ilmu Balaghah supaya nampak jelas kepentingan ilmu Balaghah itu sendiri.

Perkataan al-Balaghah (البلاغة) merujuk kepada makna kebaikan, cantik, bagus,

mutu yang baik dan sampai ke kemuncak sesuatu. Kata akarnya *balaghha* (بلغ),

sebagaimana yang disebut oleh al-Hasyimi dalam kitabnya JawÉhir al-Balaghah,

perkataan *balagha* membawa makna sampai dan berakhir, contohnya di dalam ayat **بلغ مراده**

, membawa maksud seseorang yang berjaya mencapai apa yang dihajati

(Abdul Rahman Hassan, 2007). Menurut pengertian dari sudut istilah pula: "Ketepatan ungkapan dengan kehendak konteks serta fasih penggunaannya" (Syaid Ahmad al-Hasymy, t.th). Ali al-Jarim dan Mustafa Amin (1984:8) telah membuat pengertian terhadap ilmu Balaghah iaitu "menyampaikan maksud dengan jelas, menggunakan ungkapan yang betul serta lancar dan memberi kesan yang menarik kepada diri seseorang".

Maka Balaghah memerlukan kepada pengetahuan tentang topik dan perkara yang ingin diperkatakan, mengetahui pemikiran dan jiwa pendengar, serta membuat pemilihan perkataan yang sesuai dengan tahap pendengar.

Di dalam al-Quran perkataan *balagha* ini banyak kali disebut antaranya ialah firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat ke 63 :

{ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قُوَّلَا بَلِيغَا }

"berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka nasihat, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang membekas pada jiwanya." (Q.s. an-Nisa'/4: 63)

Manakala di dalam hadis nabi s.a.w juga terdapat perkataan balagha sebagaimana sabda baginda:

"إِنَّ اللَّهَ يَبْغُضُ الْبَلِيغَ الَّذِي يَتَحَلَّ بِلِسَانِهِ"

"Sesungguhnya Allah membenci orang yang fasih tetapi meleret-leret kata-katanya"

Al-Mukaffa menyatakan bahwa Balaghah adalah beberapa makna yang terpancar dari suatu kalimat, melalui beberapa aspek yang dapat dilihat melalui isyarat, pertuturan, pidato, perbahasan, serta penulisan.

Jika kita perhatikan daripada buku-buku yang ditulis oleh ahli-ahli Balaghah dari beberapa generasi dapat disimpulkan bahawa:

“Ilmu Balaghah adalah ilmu untuk mengungkapkan bahasa yang indah, mempunyai nilai estetika (keindahan seni), memberikan makna yang sesuai dengan muqtałE al hal (situasi dan kondisi), serta memberikan kesan yang sangat mendalam bagi para pendengar dan pembacanya”.

#### 2.4.2 Kepentingan Ilmu Balaghah

Ungkapan yang mempunyai nilai sastera tinggi telah lama dimiliki oleh orang-orang Arab, bahkan sebelum tersebarnya agama Islam lagi. Justeru, tidak menghairankan dari keindahan bahasa inilah yang membuatkan mereka terpegun apabila mendengarkan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis, seterusnya memberikan mereka hidayah untuk memeluk agama yang suci ini, sebagaimana kisah Umar al-Khattab yang begitu terpesona dengan bacaan al-Quran yang dialunkan oleh adik perempuannya, lalu terus memeluk agama Islam dalam satu firman Allah S.W.T di dalam surah Ibrahim ayat ke 24 :

﴿أَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَ فَرْعُعُها فِي السَّمَاءِ﴾

“Apakah engkau tidak melihat Allah memberikan suatu perumpamaan dengan kalimat yang baik seperti sebatang pohon yang baik, akarnya kukuh dan cabangnya menjulang ke langit”. (Surah Ibrahim : 24)

Inilah suatu ayat yang menggambarkan keindahan bahasa Arab itu sendiri, serta mempunyai nilai Balaghah yang tinggi. Jika dilihat dari istilah linguistik, ilmu Balaghah ini juga boleh disebut sebagai ilmu semantik bahasa Arab. Penamaan sebagai ilmu semantik ini adalah sesuai bagi membandingkan disiplin ilmu semantik dan ruang lingkup bahasanya dari segi semantik bahasa Melayu. Namun begitu pengkaji berpendapat ilmu Semantik tidak boleh disamakan secara mutlak dengan ilmu Balaghah, ini kerana ilmu semantik hanya membahaskan unsur-unsur makna dan perkataan, manakala skop perbincangan dalam ilmu Balaghah adalah lebih luas, contohnya nilai keindahan bahasa serta kesesuaian ayat mengikut pendengar, dan lain-lain lagi yang tidak terdapat dalam bidang semantik.

Balaghah mempunyai kesan yang besar terhadap al-Quran. Kesedaran tentang kewujudan dan kepentingan bidang ilmu ini telah wujud jauh lebih awal dalam bahasa Arab, berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Ilmu Balaghah memperlihatkan keindahan dan rahsia mukjizat al-Quran berdasarkan kajian gaya bahasanya dan cara menyampaikan makna-makna yang berbeza, disamping membuat perbandingan dengan gaya bahasa puisi dan prosa Arab. Balaghah tidak hanya wujud dalam bahasa Arab semata-mata, bahkan boleh didapati pada kebanyakan bahasa lain yang telah melalui berbagai-bagai bentuk peringkat perkembangan. Oleh itu, ilmu Balaghah dianggap sebagai ilmu bahasa yang terawal kemunculannya dalam Islam dan amat dititikberatkan oleh masyarakat Arab, terutamanya dalam memahami rahsia keunikian al-Quran dan membezakan perkataan yang baik dan sebaliknya. Ilmu Balaghah menjadi semakin penting apabila banyak kawasan baru dibuka pada zaman pemerintahan Islam dan penduduknya yang bukan berbangsa Arab berminat untuk mendalami bahasa Arab serta menghayati keseniannya (Ahmad Matlub,1964:76).

Jika diperhatikan pendapat para pakar, mereka lebih kuat (rajih) menyatakan Balaghah sebahagian daripada ilmu sastera. Ini kerana, apa yang dibincangkan dalam Balaghah adalah kebanyakannya hasil karya sastera atau bahasa yang mengandungi nilai-nilai sastera yang tinggi (bahasa al-Quran dan Hadis).

### **2.4.3 Pembahagian Ilmu Balaghah**

Ilmu Balaghah sebagaimana yang diketahui terdiri daripada tiga komponen utama iaitu : ilmu *Bayān*, ilmu *Ma'ānī* dan ilmu *Badrī*. Untuk lebih jelas, pembahagian ilmu Balaghah ini akan dijelaskan secara ringkas dalam sub-sub pembahasan ini.

#### **2.4.3.1 Ilmu Bayān**

Ilmu Bayān dari segi bahasa ialah (الإِيْضَاحُ وَالْفَصَاحَةُ مَعَ ذَكَاءٍ) iaitu menjelaskan

علم يعرف به إيراد المعنى (علم يُعرف به إيراد المعنى)

(الواحد بطريق مختلفة مع وضوح الدلالة), Secara ringkasnya, ilmu yang membincangkan

makna dan peraturan yang menjelaskan sesuatu idea melalui pelbagai cara.

Pembahagian ilmu *Bayān* meliputi:

- *Tasybāh*, rukun *Tasybāh*, pembahagian *Tasybāh* dan kegunaan ungkapan *Tasybāh*.
- Pembahasan tentang *Majāz* serta pembahagiannya.
- *Isti 'Erah* (kata pinjaman) beserta pembahagiannya.
- *Kināyah* dan pembahagiannya.

### a. *TasybÊh*

Jika dilihat dari asal kata, *tasybÊh* berasal dari perkataan *Syabbaha*. (Muhammad Yunus, 1973:188). Dari segi ilmu Balaghah, *tasybÊh* adalah membandingkan sesuatu kepada sesuatu yang lain, supaya dapat menggambarkan hal tersembunyi, hal yang jauh dan yang dekat, menambah ketinggian darjat, memuji keindahan dan kelebihan seseorang atau kelompok sehingga menyentuh perasaan orang.

Rukun-rukun *tasybih* ialah:

*Musyabbah* : yang dipersamakan

*Musyabbah bih* : yang diumpamakan

*AdÊt tasybÊh* : partikel *tasybih*

*Wajh syabah* : ciri atau unsur yang dipersamakan.

Bagi menghuraikan rukun-rukun *tasybÊh* ini, boleh diperhatikan contoh di bawah:

العلم كالنور في المدایة

*Musyabbah* : العلم

*Musyabbah bih* : النور

*AdÊt tasybÊh* : الكاف

*Wajh syabah* : المدایة

Pada dasarnya perbahasan tentang *tasybÊh* berkisar kepada dua kelompok utama iaitu pembahagian *tasybÊh* dan juga jenis-jenis *tasybÊh*. Pembahagian *tasybÊh* berdasarkan kepada *wajh syabah* dan partikel *tasybÊh* adalah seperti berikut:

1. *TasybÊh Mursal*: *TasybÊh* yang partikel *tasybÊh*nya disebut.
2. *Mu'akkad*: *TasybÊh* yang partikel *tasybÊh*nya digugurkan.
3. *Mujmal*: *TasybÊh* yang ciri persamaannya (*wajh syabah*) digugurkan.
4. *MufaÎîal*: *TasybÊh* yang ciri persamaannya (*wajh syabah*) disebut.
5. *BalÊgh*: *TasybÊh* yang digugurkan partikel *tasybÊh* dan *wajh syabah*.

Daripada pembahagian dan takrif di atas kita dapat menghuraikan *tasybÊh* kepada beberapa gambaran iaitu: *TasybÊh mursal mufaÎîal*, *mursal mujmal*, *mu'akkad mufaÎîal* dan *balÊgh*. Manakala jenis-jenis *tasybÊh* yang biasa dibincangkan oleh ahli-ahli Balaghah adalah seperti berikut :

- 1- *TasybÊh TamthÊl*
- 2- *TasybÊh MaqlËb*
- 3- *TasybÊh ÖimnÊ*

1. *TasybÊh tamthÊl*: Tasybih yang ciri persamaanya terdiri daripada gambaran pelbagai sifat, ianya memerlukan pemikiran dan khayalan untuk memahaminya, contohnya di dalam satu firman Allah S.W.T :

{ مَّنْكُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٌ أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَّئِةُ حَبَّةٌ }

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji”. (al-Baqarah:261)

2. *TasybÊh MaqlËb*: Tasybih yang ditukarkan antara musyabbah dengan musyabbah bilihnya, contoh :

وبدا الصباح كأن غرته # وجه الخليفة حين يمتدح

Kelihatan waktu fajar mula menyinsing seolah-olah muka khalifah tersenyum ketika dipuji.

3. TasybÊh ÖimnÊ: Tasybih yang tidak mengikut bentuk tasybÊh yang asal tetapi dapat difahami maksud perbandingannya melalui kefahaman seseorang. Sebagai contohnya:

ترجو النجاة ولم تسلك مسالكها # إن السفينة لا تخلص على اليأس

Kamu mengharapkan selamat daripada api neraka tetapi kamu tidak mengikut jalannya, sesungguhnya bahtera tidak akan dapat belayar di atas daratan.

TasybÊh jika dilihat dari sudut linguistik dapat dipadankan dengan istilah gaya bahasa Metafora.

### b. *MajÉz*

MajÉz juga dikenali dalam bahasa Malaysia sebagai makna kiasan atau figuratif meaning. Mengikut istilah ahli Balaghah, majÉz ialah: Perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi kerana kaitan tertentu yang mempunyai konteks atau mengikut kewajarannya yang menghalang daripada maksud asalnya. Contohnya:

رأيت بدرًا في الفصل

Aku melihat bulan di dalam kelas

Bulan yang dimaksudkan ialah seseorang yang memiliki paras yang cantik.

*MajÉz* ini terbahagi kepada dua iaitu *majÉz mursal* dan *isti 'Érah*

### c. *Isti'Érah*

*Isti'Érah* merupakan kata pinjaman iaitu penggunaan kata dengan tujuan memperkuat makna yang terkandung dalam kata tersebut (makna tersirat) (Hasymy: 303). *Isti'Érah* juga pada asalnya ialah *tasybÊh* yang digugurkan *musyabbah*, partikel *tasybÊh*, *wajh syabah* dan hanya menyebut *musyabbah* bih atau sifatnya sahaja. *Isti'Érah* terbahagi kepada dua:

- a. *TaÎrÊIiyah* : *Isti'Érah* yang disebutkan lafaz *musyabbah* bihnya, contohnya:

{ إهِدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ }

“Tunjukkanlah kami jalan yang lurus” (al-Fatihah:6).

- b. Makniyyah: Iaitu *isti'Érah* yang lafaz *musyabbah* bih dibuang dan digantikan dengan sifat *musyabbah* bihnya, contohnya:

{ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الدُّلُّ مِنَ الرَّحْمَةِ }

“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu” (al-Isra':24).

### d. *KinÉyah*

*KinÉyah* bererti kiasan, ia merupakan satu gaya bahasa indah yang menyembunyikan makna asal dan menzahirkan maksud tersirat. Menurut istilah ahli Balaghah, perkataan yang maknanya tersirat boleh juga menggunakan makna asalnya kerana tiada petanda yang menghalang. Kinayah ini dibahagi kepada tiga bahagian berdasarkan makna yang tersirat seperti berikut:

1. Kiasan sifat : Suatu sindiran yang ditujukan untuk menyatakan sifat seseorang, contohnya:

فَلَانْ كَثِيرُ الرِّمَادِ

Lelaki itu banyak abu di dapurnya (bermaksud lelaki yang pemurah).

2. Kiasan maus f (objek): Sindiran yang ditujukan kepada seseorang, contohnya:

وَحَمَلْنَاهُ عَلَىٰ ذَاتِ الْوَاحِدِ وَدُسُرٍ“

“ Kami bawa naik nabi Nuh (beserta) pengikutnya di atas bahtera yang dibina dari kepingan-kepingan papan dan paku.”(al-Qamar 13)

#### 2.4.3.2 Ilmu *Ma’ ni*

Ilmu *Ma’ ni* adalah ilmu untuk mengetahui setiap aspek bahasa Arab dan memilih kalam yang sesuai dengan situasi keadaan pendengar (Abdul Rahman Hassan al-Maidaini, 2007). Ilmu *Ma’ ni* merupakan pengetahuan bagi menentukan beberapa kaedah untuk pemakaian kata yang sesuai dengan *muqta E al-hal*. Jelasnya, ilmu *Ma’ ni* itu adalah suatu peraturan tentang pemberian makna yang tepat, sesuai dengan pendengar.

Tajuk-tajuk yang akan dibahaskan dalam ilmu *Ma’ ni* ialah:

- Kalam *khabar * dan *insya ’ *
- *Qasr*
- *Wasl* dan *fasl*
- * j z* dan *Mus w h*

Secara asasnya, ungkapan ataupun kalÉm Arab terbahagi kepada dua kategori. Kategori yang pertama adalah ayat penyata atau berita yang dikenali sebagai al-khabar iaitu ungkapan yang boleh dianggap benar atau bohong. Kategori kedua pula ialah ayat yang membicarakan sesuatu yang belum terjadi yang tidak boleh dianggap benar ataupun bohong. Kalam ini dikenali sebagai al- insyÉ'.

### a. KalÉm *Khabar*

Berita yang diungkapkan oleh penutur yang mempunyai tujuan tertentu.

Hal ini dibahagi menjadi dua kategori iaitu:

1. Bila ungkapan tersebut sudah sama-sama diketahui oleh penutur dan pendengar (pembaca) maka tujuan khabar itu disebut: *LÉzim fÉ' i dah*.
2. Bila ungkapan itu belum diketahui oleh pendengar atau pembaca maka disebut: *fÉ'idah khabar*

Ungkapan khabar ini juga dilihat dari sudut kesesuaian dengan konteks ayat serta situasi dan keadaan ungkapan itu disampaikan. Dilihat dari konteks ini, *kalÉm khabar* mempunyai beberapa tujuan estetika yang lain selain daripada *lÉzim fÉ'idah* dan *fÉ'idah khabar*, antaranya ialah:

1. Memberi galakan (التنشيط )
2. Menunjukkan keluhan (التحس )
3. Mengungkapkan kelemahan (إظهار الضعف )
4. Memberi peringatan (الوعظ )
5. Memberi pujian (المدح )

(*Al-BalÉghah al- WÉlihah*: 144-147, Mustafa Amin, tanpa tahun)

Berdasarkan kategori pendengar, jenis- jenis khabar terbahagi pula kepada tiga bahagian:

1. Bila orang kedua sama sekali belum mengetahui berita, maka khabar tidak perlu menggunakan huruf *taukÊd* (partikel penguat). Ia juga disebut khabar *ibtidÉ'Ê*.
2. Bila orang kedua ragu-ragu akan berita yang disampaikan, padahal dia belum mengetahuinya, maka dikemukakan khabar dengan penambahan huruf *taukÊd* (partikel penguat). Dikenali sebagai khabar *ÍalabÊ*
3. Bila orang kedua masih tidak percaya (munkir) atas berita yang disampaikan, meskipun ada dalil yang telah ditentukan, maka wajib diberikan huruf taukid, samada satu taukÊd atau lebih. Konteks ini disebut khabar *inkÉrÊ*. (Ali Jarim tanpa tahun. Hal 165).

Antara huruf-huruf taukÊd ialah:

*Inna, anna, waw al-qasm, lÉm al- ibtidÉ', nun al-taukÊd, ahruf al-tanbÊh, huruf al-zÉ'idah, qad, ammÉ al-syarÍyyah.*

### b. *KalÉm Insyá'Ê*

Kalam *insya'Ê* terbagi kepada dua kelompok iaitu: *Insya' ÍalabÊ* dan *insya' ghayru ÍalabÊ*.

1) *Insya' ThalabÊ*: Ungkapan yang menghendaki berlakunya sesuatu yang belum wujud ketika diminta. Insya' jenis ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu: *al-amr* (suruhan),

al-nahy (tegahan), *al-istifhām* (pertanyaan), *al-tamannāh* (harapan), dan *al-nida'* (seruan)

2) *Insya' Ghayru Īalabāh*: Ungkapan yang tidak menghendaki berlakunya sesuatu (bukan permintaan). Insya' jenis ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu: *al-tajub* (kagum), *al-madīh* (pujian), *al-dzamm* (kejian), *al-qasm* (sumpah), dan sebagainya.

### Pembahagian Insya' *Ūalabāh*:

#### 1. *al-Amr* (suruhan)

Al-amr menurut pandangan ahli Balaghah iaitu tuntutan suatu pekerjaan dari pihak yang lebih tinggi (kedudukan atau umur). Bentuk amr dalam Balaghah sama dengan bentuk amr dalam tata bahasa Arab. Pola ayat suruhan mempunyai empat bentuk:

Kata kerja contoh :

{ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَارَ وَأَكْعُوْمَ مَعَ الرَّاكِبِينَ }

“Dirikanlah sembahyang dan keluarkan zakat dan rukuklah kamu bersama orang-orang yang rukuk”( al-Baqarah: 43)

Kata kerja mu<sup>l</sup>Éri‘ yang didahului oleh partikel lam al-amr

{ فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ }

“Hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (kaabah) ini”  
(Quraisy:3)

Ism fi‘il al-amr

{ فَمَهْلِ الْكَافِرِينَ أَمْهَلْهُمْ رُؤْيَاً }

“ Janganlah engkau hendakkan segera kebinasaan orang-orang kafir itu,  
berilah tempoh kepada mereka sedikit masa “ (al-Tariq:17)

Masdar sebagai ganti dari fi‘il amr

{ فَاعْتَرُفُوا بِذَنِّهِمْ فَسُجْنًا لِأَصْحَابِ السَّعِيرِ }

“Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka,maka tetaplah jauhnya rahmat Allah  
dari ahli neraka” (al-Mulk:11)

Selain makna perintah dari segi Balaghah, *amr* mempunyai makna lain yakni apabila diteliti dari konteks kalimat (siyÉq al- kalÉm), ia mendatangkan makna sebagai berikut:

- memberi panduan (الإرشاد)
- doa (الدعا)
- menyuruh orang yang setaraf (الاتمام)
- harapan (التمني)
- memilih (التخيير)
- menyamaratakan (التسوية)
- melemahkan (التعجيز)

- *tahdid* atau ancaman ( التهديد )

- membolehkan الإباحة ( al-ijabah )

## 2. *al-Nahy* (النهي) Larangan

*Nahy* adalah menuntut memberhentikan perbuatan dari orang yang lebih tinggi. Bentuk *nahy* berasal dari fi‘il muJÉri‘ didahului oleh lÉ nÉhiyah. Contohnya:

{ وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَامَةِ إِلَّا بِالْتَّيْ حَسِّنُ }

Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim kecuali untuk kebaikan.(al-An’am:

152)

Jika dilihat dari siyÉq al-kalam, ungkapan larangan ini juga kadang-kadang terkeluar dari maknanya yang hakiki seperti:

- doa ( الدعاء )

- melarang orang yang setaraf ( الالتماس )

- harapan ( التمني )

- tahdEd atau ancaman ( التهديد )

- penghinaan ( التحقير )

Kesimpulannya, adalah penting untuk kita menganalisis makna *nahy* mahupun *amr* dari konteks ayat, kerana ia tidak semestinya membawa makna yang hakiki serta memerlukan perhatian yang teliti, sehingga nampak maknanya yang sebenar. Ini merupakan hal yang penting khususnya bagi penterjemah, sehingga terjemahan tidak membawa kepada kesalahan erti, terutama sekali bagi penterjemahan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasul.

### **3. *al-IstifhÉm* (pertanyaan)**

*IstifhÉm* adalah bentuk ungkapan yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan tentang sesuatu perkara yang belum diketahui sebelumnya.

Cara pembentukan *Istifham* adalah dengan menggunakan partikel *istifham*.

Contoh : مَنْ يَعُودُ الْمَسَافِرُونَ ؟

Terdapat banyak partikel *istifham*, antaranya adalah hamzah (أ), hal (هـ), *matÉ* (متى),

*kaifa* (كيف), *aina* (أين), *mÉ* (ما), *man* (من) dan lain-lain lagi.

### **4. *al-TamannÊ* (harapan)**

*TamannÊ* adalah mengharapkan sesuatu yang sukar ataupun mustahil dicapai, ia dapat juga disebut sebagai angan-angan. *TamannÊ* ini dibentuk dengan menggunakan huruf *tamannÊ* iaitu *laita* (لیت), contohnya:

لیت الشَّبَابُ يَعُودُ يَوْمًا

### **5. *al-nida'* (seruan)**

*Al-nida'* adalah panggilan ataupun seruan kepada seseorang ataupun ramai. *Al-nida'* (seruan) menggunakan huruf *Nida'* iaitu:

Hamzah ( ﴿ ), ay ( أَيِّ ), untuk panggilan dekat, manakala yÉ ( يٰ ), Éy ( يِـْ ), É ( ئِـْ ), ayÉ ( يِـْـا ) , hayÉ ( هِـيَا ) , dan wÉ ( وِـا ) , untuk panggilan jauh. Contohnya:

{إِنِّي لَا ظُنْكَ يَمْوَسَى مَسْحُورًا}

“Sesungguhnya aku sangka kamu, wahai Musa, seorang yang kena sihir”. (al-Isra’: 101)

c. *Qasr* (القصر)

Qasr adalah pengkhususan suatu perkara pada perkara lain dengan cara khusus, antara partikel *qasr* ialah *nahy* dan *istithna'* *innama* (عِنْمَا), ‘*aīaf* dengan *lÉ* (لِـ), *bal* (بَلْ), atau *lÉkin* (لَكِنْ). Setiap *qasr* memiliki dua īarf ataupun unsur, iaitu *maqs̄er* dan *maqs̄er* ‘alaih. Contohnya:

لا يروي مصر من الأنهر إلا النيل

Tidak ada sungai yang menyamankan Mesir selain Nil.

**d. *Fasl dan wasl***

*Wasl* adalah mengatakan satu kalimat kepada kalimat lain dengan *wau*. *Fasl* adalah sebaliknya iaitu meninggalkan ‘*aīaf*’. Masing-masing *fasl* dan *wasl* mempunyai tempat-tempat tersendiri. Contoh *wasl* ialah:

لَا وفَاء لِكَذُوبٍ وَلَا رَاحَة لِحَسُودٍ

Tidak ada kesetiaan bagi pembohong dan tiada ketenangan bagi orang yang hasad

Contoh *fasl* :

{ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنْذَرْنَاهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ . }

“Sesungguhnya orang kafir itu sama saja bagi mereka kamu beri peringatan atau tidak, mereka tidak akan beriman.” (al-Baqarah : 6)

#### e. *ÔijÉz*, *MusÉwÉh* dan *iñÉb*

*ÔijÉz*, *MusÉwÉh* dan *iñÉb* ialah cara-cara pengungkapan sesuatu kata-kata bergantung kepada penutur yang balÉgh melihat kepada kesesuaian *mukhÉIab*. Kadang-kadang kalimÉt yang digunakan ringkas, dinamakan sebagai *ÊjÉz*. Kebiasaannya apabila berhadapan dengan *mukhÉIab* yang cerdik pandai, huraian panjang disebut sebagai *iñÉb*, ataupun sederhana tidak ada pengurangan dan tidak penambahan iaitu *musÉwÉh*.

Contoh bagi *ÊjÉz*, *musÉwÉh* dan *iñÉb* ialah:

Allah s.w.t berfirman:

{ أَلَا لَهُ الْحُكْمُ وَالْأَمْرُ }

“Ingatlah, hanya Allah yang mencipta dan memerintah” (al-A’raf :54)

{ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا }

“Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril” (al-Qadr : 4)

{ وَمَا تُقْدِّمُوا لَا نَنْفَسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ بَحْلُوَةٌ عِنْدَ اللَّهِ }

“Apa-apa yang kamu usahakan dari kebaikan bagi dirimu,  
tentu kamu akan mendapat pahalanya pada sisi Allah”. (al-Baqarah: 110)

#### 2.4.3.3 ILMU *BADÉ*‘

Sebagaimana yang kita tahu ilmu *Badé*‘ membahaskan tentang aspek-aspek keindahan lafaz dan makna dalam bahasa Arab. Antara bab-bab yang akan pengkaji sentuh secara ringkas ialah *JinÉs*, *iqtibÉs* dan *saja‘*. Ketiga-tiga bab ini termasuk dalam keindahan dari sudut lafaz.

1- *JinÉs*: *JinÉs* adalah ungkapan yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza. *JinÉs* terbahagi kepada *jinÉs tam* dan *ghairu tam*. Contohnya sebagaimana firman Allah s.w.t :

{ وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُفْسِمُ الْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا عَيْرَ سَاعَةٍ }

“Pada hari terjadinya kiamat, bersumpahlah orang-orang yang berdosa,  
mereka tidak tinggal di kubur melainkan sesaat sahaja”. (al-Ruum: 55)

2- *IqtibÉs* : *IqtibÉs* ialah mengambil petikan atau sesuatu perkataan daripada al-Quran atau hadis lalu dimasukkan ke dalam prosa ayat ataupun syair tanpa dijelaskan bahawa ayat atau perkataan yang diambil adalah daripada al-Quran dan hadis. Contohnya:

وإذا ما شئت عيشا بينهم # خالق الناس بخلق حسن

“Bergaullah dengan orang-orang di negeri kamu tinggal dengan baik, kerana sedikit sekali pengembara atau pendatang yang dilayan dengan baik. Bila kamu

ingin hidup bersama mereka, maka berakhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik. “

(kalimat ini dipetik daripada hadis nabi)

- 3- *Saja'* : *Saja'* ialah dua huruf akhir yang sama di antara dua fÉsilah (ayat) atau lebih.

Contohnya Rasulullah s.a.w bersabda :

"رَحْمَةُ اللَّهِ عَنْدَهَا قَالَ خَيْرًا فَعَنْ مِمْ، أَوْ سَكَتَ فَسَلِيمٌ"

Allah mengasihi orang-orang yang berkata baik dan beruntung, atau diam lalu selamat.

Manakala keindahan-keindahan dari sudut makna pula ialah tauriyah, ūibÉq dan muqÉbalah

- 1- Tauriyah: Tauriyah adalah pengungkapan sesuatu perkataan mufrad, yang mempunyai dua makna. Pertama, makna yang dekat dan jelas yang tidak dimaksudkan. Kedua, makna yang jauh dan samar yang dimaksudkan. Antara contohnya ialah:

أصون أديم وجهي عن أناس # لقاء الموت عندهم الأديب

ورب الشعر عندهم بغيض # ولو وافي به لهم حبيب

Jika dilihat dari contoh di atas perkataan habÉb mempunyai dua makna, pertama adalah orang yang dicintai. Inilah makna yang dekat dan mudah ditangkap oleh pendengar. Makna kedua ialah nama Abu Tamam penyair iaitu

Habib bin Aus. Ini makna yang jauh namun makna ini sebenarnya yang dimaksudkan oleh penyair.

2- ÙibÉq : ÙibÉq adalah kumpulan dua kata yang berlawanan dalam suatu ayat.

Contohnya firman Allah s.w.t:

﴿أَوَمَنْ كَانَ مِيتًا فَأُحْيِينَاهُ﴾

“Apakah orang yang sudah mati kemudian dia kami hidupkan”. (al-An‘Ém :

122)

3- MuqÉbalah: MuqÉbalah ialah mendatangkan dua makna atau lebih di bahagian awal kalimat, lalu didatangkan makna-makna yang berlawanan dengannya secara tertib pada bahagian akhir dari kalimat tersebut. Contohnya sabda Rasulullah s.a.w :

"إِنَّكُمْ لَتُكْثِرُونَ عِنْدَ الْفَزَعِ، وَتَقُلُّونَ عِنْدَ الطَّمَعِ"

“Kamu semua datang beramai-ramai apabila tidak diperlukan,

dan sedikit pula di waktu diperlukan.”

## 2.5 KEDUDUKAN ILMU BALAGHAH SEBAGAI CABANG ILMU BAHASA

Ilmu Balaghah yang jika dilihat sepintas lalu mungkin berbeza dengan ilmu-ilmu bahasa yang lain seperti ilmu Nahu dan *Øarf*, *QirÉ'ah* dan *MuÏÉla‘ah*, *DirÉsÉt al-Mu‘jamiyyah* dan *ilmu al-Øaut*. Namun bila dianalisis secara teliti maka dapat kita lihat kaitan yang rapat antara ilmu Balaghah dengan ilmu-ilmu bahasa yang lain.

Perkaitan ini akan nampak dengan jelas jika dibandingkan secara holistik antara ilmu-ilmu tersebut. Contohnya jika diperhatikan dalam aspek ilmu BayÉn. Dalam ilmu BayÉn terdapat kalÉm (kalimat yang sempurna) yang terdapat juga dalam ilmu Nahu yang disebut dengan *al-jumlah al-mufÈdah* (kalimat yang sempurna). Mengikut Ramadhan al-Mubarak (1981: 130) di dalam Azhar bin Muhammad (2006: 62), disebabkan ilmu al-Ma‘Éni adalah asas kepada Balaghah dan ilmu-ilmu bahasa yang lain, maka ilmu ini mempunyai hubungan yang kuat dengan nahu. Oleh itu pengkaji berpendapat pelajar juga haruslah mendalami ilmu Nahu terlebih dahulu sebelum dapat menguasai ilmu Balaghah.

Untuk menyusun kalimat dengan berbagai uslËb yang telah disebutkan tadi diperlukan ilmu tata bahasa Arab serta sintaksis Arab supaya akan memberikan satu rumusan tentang bentuk *kalimat ismiyyah*, bentuk *kalimat fi‘liyyah* dan bentuk *syibhu jumlah*. Dari struktur *fi‘liyyah* dikenal pasti adanya subjek dan predikat atau dari segi Balaghah yang disebut *makhËm ‘alayhi* dan *makhËm fÈh*. Demikian juga struktur jumlah *ismiyyah* akan terdiri dari *makhËm ‘alayhi* dan *makhËm fÈh*.

### **2.5.1 Hubungan Ilmu Balaghah Dari Segi Uslub dan Sastera Arab.**

Uslub adalah gaya bahasa atau susunan kalimat yang dituturkan dengan baik, sehingga membuat pembaca atau pendengar terkesima. Ragam bahasa yang terdapat dalam ilmu Balaghah itu terdiri daripada:

- Ragam bahasa ilmiah
- Ragam bahasa sastera

Ragam bahasa ilmiyah adalah ragam bahasa yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu secara ilmiyah. Ragam bahasa ini digunakan dalam kalangan pendidik, ilmuwan dan cendikiawan dalam pelbagai disiplin ilmu.

Ragam bahasa sastera adalah ragam bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan bahasa yang indah dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Ada kalanya mempunyai penyimpangan dari peraturan nahu dan sorof.

Ali Jarim menyebutkan bahwa: "Uslub adabÊ adalah ragam bahasa yang sulit yang sangat memerlukan keterampilan dan pemikiran yang khusus dan memerlukan khayalan si penterjemah untuk mengekspresikannya". (Ali Jarim : 16).

Ragam bahasa retorik adalah ragam bahasa yang digunakan oleh para dÊ'i, ahli pidato, dan juga didalam perdebatan.

Ragam bahasa retorik ini di bahas pada ilmu Balaghah dalam kelompok ilmu BadÊ'. (Al-Hasyimy dalam Muqaddimah Jawahiri 1- Balaghah). Jika ditinjau dari sudut sejarah, pidato merupakan suatu keterampilan yang sangat berharga dikalangan khalifah-khalifah masyarakat Arab bahkan sebelum datangnya Islam.

## 2.5.2 Hubungan Balaghah dengan ilmu Nahu dan Øarf

Ilmu Balaghah memperkenalkan banyak struktur kalimat dan dari segi isi (makna kalimat). Struktur kalimat dalam ilmu Balaghah adakalanya terdiri daripada *jumlah ismiyyah* dan adakalanya *jumlah fi 'liyyah*.

Struktur jumlah ismiyyah sama dengan struktur yang ada pada jumlah khabar. Pengenalan tentang *mubtadÉ'* dan *khabar* (jumlah ismiyyah) yang terdiri dari jumlah *musnad* dan *musnad ilayh*. Ini menunjukkan kaitan dan hubungan yang ada antara kedua-dua ilmu yang membincangkan bab yang sama dalam aspek yang berlainan. Apabila dikaji, kita akan dapati titik persamaan dan perbezaan di antara keduanya.

Kesamaan struktur amr antara ilmu Nahu dan ilmu Balaghah juga dapat dilihat dengan jelas dari cara pembentukan *amr*, iaitu:

- Dibentuk dari *fi 'il amr* asli dengan makna perintah secara hakiki (sebenarnya).
- Bentuk *fi 'il mudhÉri* didahului lam amr.
- Bentuk *ism fi 'il amr*.
- Bentuk *maÎdar* sebagai ganti *fi 'il amr*.

Justeru, sekiranya pelajar telah pun mempunyai asas dan pengetahuan dalam bidang nahu maka akan mudahlah bagi mereka untuk mempelajari ilmu Balaghah khususnya dalam bab ini.

Struktur *nahy* dalam ilmu Balaghah juga mempunyai kesamaan dengan ilmu Nahu, demikian juga dengan struktur *istifhÉm* dan struktur *tamannÉ*. Selain itu kepentingan ilmu Balaghah juga akan dapat diperhatikan ketika proses menterjemahkan

kalimat. Ini kerana dalam Balaghah ada erti leksikal dan ada erti gramatikal. Suatu contoh dapat diperhatikan pada firman Allah subhanahu wataala:

وَلَا تَقُولْ لِمَنْ أَفْ

"Janganlah kau katakan ah, pada kedua orang tua mu".

Kalau seseorang tidak memahami ilmu Balaghah maka tidak akan sampai kepadanya erti sebenar yang terkandung dalam kalimat itu. Makna sebenarnya jauh lebih dalam dari apa yang diterjemahkan ini. Makna yang tersirat (tersembunyi) dari kalimat diatas adalah sedangkan mengucapkan ‘ah’ saja dilarang dalam Islam, apa lagi berbuat kasar dan tidak baik terhadap orang tua.

Sindiran-sindiran halus dari bahasa al-Quran akan terasa membekas di dalam benak seseorang, apabila dia telah mengetahui Balaghah dan dasar-dasar ilmu terjemah.

## 2.6 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, ilmu Balaghah bukan sahaja boleh dikategorikan sebagai ilmu sastera, tetapi ilmu Balaghah itu sendiri adalah sintaksis Arab. Ini kerana, terdapat banyak hubungan dan kaitan antara kedua-dua ilmu ini. Justeru, amat penting untuk kita menguasai ilmu Nahu dan Sorof sebelum kita dapat menguasai ilmu Balaghah dengan lebih mudah.

Kepentingan ilmu Balaghah sebagai ilmu bahasa Arab akan dapat dilihat dengan jelas jika diaplikasikan dengan betul, kerana tidak dapat dipertikaikan lagi dengan menguasai ilmu Balaghah akan mudah untuk kita memahami isi yang terkandung dalam serangkaian kalimat, samada berbentuk sastera ataupun yang bukan sastera.

Sohair Abdel Moneim Sery (1999:9) telah meletakkan lima matlamat pengajaran ilmu Balaghah ini. Matlamat tersebut ialah:

- i. Ilmu Balaghah membantu para pelajar mendalami serta menikmati keindahan pengisian sastera. Ianya bukan hanya untuk memahami pengertian yang tersurat tetapi juga pengertian yang tersirat.
- ii. Menerusi ilmu Balaghah, seseorang itu boleh menemui rahsia keindahan seni serta mengetahui sumber kesannya ke atas jiwa.
- iii. Memahami maksud isi kandungan teks dan semua jenis kemahiran seni yang terdapat pada ahli sastera serta apa yang digambarkan dari jiwa dan emosinya.
- iv. Mematangkan daya atau citarasa kesusteraan dalam kalangan para pelajar, disamping membolehkan mereka merasai keindahan sesebuah karya sastera agung. Ilmu ini juga membolehkan para pelajar mengarang karangan yang baik dengan mencantohi teks-teks yang boleh dikagumi.
- v. Membolehkan para pelajar menguasai kemampuan untuk membuat perbandingan antara para sasterawan serta menilai hasil karya mereka menurut seni Balaghah yang sebenar.

Manakala Abd Halim Ariffin (1999:3) pula menggariskan empat objektif pendidikan ilmu Balaghah didasarkan kepada pembelajaran ilmu ini di sekolah-sekolah:

- i. Menanam rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Arab selaku bahasa al-Quran, bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa.
- ii. Melatih pelajar menghayati keindahan bahasa melalui karya-karya sastera, sama ada prosa atau puisi.

- iii. Meneliti rahsia-rahsia al-Quran melalui keindahan gaya bahasanya dan seterusnya mengkaji unsur-unsur *i'jaz* yang terdapat di dalamnya.
- iv. Melatih pelajar mencontohi gaya bahasa Arab yang indah dan cuba menggunakaninya di dalam percakapan dan penulisan mereka.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini menerangkan reka bentuk dan proses kajian yang dijalankan untuk melihat persepsi dan pandangan pelajar terhadap ilmu balaghah, ini bagi dan untuk mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh pelajar semasa proses pembelajaran balaghah, serta mengkaji sukanan pelajaran yang diajar di peringkat IPT. Selain itu objektif utama kajian ini juga adalah mengetahui penguasaan pelajar berdasarkan ujian penilaian yang dijalankan. Oleh itu metodologi kajian yang dijalankan mestilah berteraskan kepada objektif-objektif kajian ini.

Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1992: 44) menetapkan kaedah kajian sebagai segala langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains. Chua Yan Piaw (2006:3-4) berpendapat bahawa penyelidikan dilakukan dengan mengumpul data (mengenai suatu topik) terus daripada individu, kumpulan individu bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. Penyelidikan juga dapat memberikan jawapan kepada ketidakpastian yang timbul. Perbincangan dalam bab ini juga merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah kajian seperti reka bentuk, instrument, lokasi, subjek kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian tinjauan ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data dan maklumat yang ingin diperolehi boleh dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Pengkaji akan menggunakan metod kajian soal selidik untuk mengumpulkan semua data primer yang dikehendaki. Reka bentuk ini bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai, selain itu bagi menilai tahap penguasaan pelajar satu ujian pencapaian balaghah dijalankan.

Menurut Othman bin Lebar (t.th:63) data primari didapati hasil dari soal-jawab atau borang soalselidik yang diedarkan kepada partisipan untuk dijawab, prosedur ini mahal dan mengambil masa yang panjang, proses untuk mendapatkan data primari melibatkan, pertamanya menentukan masalah penyelidikan yang ingin dikaji, diikuti pula dengan pembentukan soalan kajian supaya senang kita mengetahui apa sebenarnya yang hendak dikaji. Bagi tujuan ini pengkaji berada di lokasi kajian sepanjang soal selidik dan ujian berjalan bagi memastikan segala maklumat dapat dikumpul dengan sempurna.

Penyelidikan ialah satu kaedah yang tersusun, sistematik atau teratur dan bersifat objektif, bukan subjektif dan bebas dari pertimbangan nilai. Dengan lain perkataan, penyelidikan yang bersandarkan kepada pertimbangan fakta dan logik pemikiran manusia. Logik pemikiran manusia tentulah berdasarkan apa yang ditanggap oleh pancaindera manusia

Menurut Hayes (2000) instrumen soal selidik dapat digunakan dalam kajian-kajian yang berkaitan dalam aspek psikologi seperti sikap dan motivasi kerana maklumat yang dikutip berbentuk fakta seperti tingkah laku manusia, pengetahuan,

pengalaman dan pendapat. Penggunaan instrumen soal selidik juga disesuaikan dengan saiz sampel yang besar dalam kajian ini. Selain faktor di atas, penggunaan soal selidik didapati memudahkan data-data dikutip dengan cara paling singkat, responden mudah memahami perkara-perkara yang dinilai berdasarkan persepsi, pendapat dan pengalaman sama ada di rumah, luar rumah atau di sekolah. Manakala menurut Rohana Yusof (2003: 132), soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seorang penulis.

Manakala bagi data sekunder pula, pengkaji akan menggunakan metod kajian perpustakaan untuk mendapatkan segala maklumat. Data-data ini lebih mudah untuk dikumpul kerana ianya telah tersedia ada dan telah terkumpul untuk sesuatu tujuan, selain ia boleh didapati dengan mudah, cepat dan murah. Antara sumber yang dirujuk oleh pengkaji ialah, buku, tesis, disertasi, jurnal, artikel dan lain-lain yang didapati daripada perpustakaan-perpustakaan seluruh Negara.

### **3.1.1 Pengumpulan Data Primer**

Data primer merupakan data-data yang diperolehi secara langsung daripada ‘kejadian’ sosial sebenar. Antara teknik yang selalu digunakan untuk mendapatkan data primer adalah seperti soal selidik, temubual dan partisipasi.

Antara teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer adalah soal selidik, kaedah temubual, tinjauan, kajian lapangan kerja dan sebagainya. Sulaiman (2003), mengatakan, terdapat beberapa alat untuk mengumpul data dan antaranya adalah borang soal selidik, pemerhatian, temuduga dan unjian psikologi. Kedua-dua keputusan kaedah ini dikategorikan sebagai data primer adalah kerana kita atau seseorang itu sendiri terlibat secara langsung dengan pemasalahan yang dikaji . Secara

mudahnya data primer boleh dikatankan sebagai "sumber mentah" yang belum dianalisis atau menjadi sumber pertama dalam menjalankan sesuatu penyelidikan . Data primer sangat penting kerana ketepatan peratusan kuputusan yang kita akan perolehi adalah tinggi

Setelah meneliti hasil pendapat dan teori-teori penyelidikan, penulis telah memilih kaedah soal-selidik untuk mengumpulkan data primer yang dikehendaki. Pemilihan kaedah ini kerana penulis merasakan ianya paling sesuai dan praktikal bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Rasional pemilihan kaedah-kaedah tersebut secara terperinci akan dijelaskan di dalam subtopik seterusnya.

### **3.1.2 Soal Selidik**

Soal selidik ialah alat ukur yang paling popular dalam kajian tinjauan. Soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik. Dalam mana-mana tinjauan sosial, satu soal selidik atau instrumen yang seragam hendaklah digunakan. Soal selidik yang seragam itu akan mengandungi satu rentetan soalan yang telah digubal khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Soalan-soalannya diatur dan dibentuk sebegini cara supaya dapat membantu responden merasa selesa, dan boleh mengingat kembali perkara-perkara yang telah berlaku pada masa lampau (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992:67).

Dalam menyediakan instrumen soal selidik beberapa perkara perlu diambil perhatian antaranya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pengkaji-pengkaji lepas ialah :

1. Sesuai dengan kesediaan responden- instrumen kajian yang disediakan perlu sesuai dengan latar belakang dan kesediaan responden kajian. Soalan yang dibina mestilah dinyatakan dengan teliti dan tidak berat sebelah (bias).
2. Format instrumen yang sistematik- soalan-soalan perlu disusun secara sistematik dan teratur. Ruang yang memadai untuk jawapan bagi setiap soalan perlu disediakan.
3. Arahan yang jelas- arahan tentang bagaimana menjawab soalan mestilah jelas dan tidak menimbulkan perasaan ragu-ragu responden.
4. Surat dan dokumen disertakan bersama instrumen kajian – surat dan dokumen kepada subjek kajian haruslah ringkas dan menggunakan format yang yang professional. Ia menentukan kadar pemulangan jawapan dan meningkatkan kepercayaan responden kajian terhadap pengkaji dan kajian yang dilakukan.
5. Ujian rintis perlu dijalankan sebelum instrument digunakan – Langkah ini memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian. Ia boleh dilakukan ke atas sekumpulan subjek lain (biasanya kira-kira 30 subjek) yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek kajian.

Rasional penulis memilih kaedah soal selidik ini memandangkan kaedah ini adalah kaedah yang terbaik bagi mendapatkan banyak data daripada responden yang agak ramai dan dalam masa yang terhad. Soalan item soal selidik juga sama bagi setiap responden dan tidak ada kategori tertentu yang ditetapkan, ini bagi membolehkan penulis membuat perbandingan yang wajar di antara setiap responden setelah data dikutip dan dianalisis. Tidak dinafikan juga, melalui kaedah ini, data mudah diproseskan dengan menggunakan komputer. Selain itu, kesahan keputusan daripada data yang diterima adalah sangat tinggi kerana soalannya bersifat objektif.

Kajian rintis dijalankan bagi memastikan soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik difahami oleh responden. Cara membuat kajian rintis adalah dengan memilih sejumlah kecil responden yang berpotensi mewakili jenis responden yang akan ditemubual dalam penyelidikan yang sebenar. Ia dibuat bagi memastikan soal selidik akan memenuhi semua keperluan penyelidikan serta persoalan-persoalan berikut dapat di jawab:

- Adakah soalan disusun bagi memudahkan temu bual berjalan lancar?
- Adakah soalan memperolehi keputusan yang dikehendaki?
- Adakah soalan mudah difahami oleh responden?
- Adakah soalan perlu ditambah atau dikurangkan?
- Adakah arahan kepada para penemubual lengkap dan jelas?

Berikutan dengan pelaksanaan kajian rintis ini, penyelidik dapat memperbaiki lagi soalan-soalan yang dikemukakan agar responden tidak mempunyai kefahaman yang salah terhadap apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Bagi melaksanakan kajian rintis, pengkaji memilih lima orang responden untuk pra percubaan menjawab borang soal selidik. Seterusnya pengkaji meminta pendapat serta pandangan responden tersebut berkaitan soalan yang diajukan. Respon yang diberikan oleh lima orang responden ialah positif, di mana mereka tidak mengalami sebarang masalah untuk mengisi borang soal selidik. Mereka merasakan bahawa tiada soalan yang tidak difahami oleh mereka dan ayat yang digunakan di dalam soal selidik jelas menunjukkan kehendak soalan yang sebenarnya tanpa terdapat unsur-unsur yang samar. Justeru, penyelidik telah mengekalkan soal selidik yang asal mengikut hasil daripada kajian rintis tersebut.

### **3.1.3 Pengumpulan Data Sekunder**

Data sekunder merupakan informasi yang dikumpulkan bukan untuk kepentingan studi yang sedang dilakukan saat ini tetapi untuk beberapa tujuan lain. Sedangkan, data primer merupakan informasi yang dikumpulkan terutama untuk tujuan investigasi yang sedang dilakukan. Data sekunder merupakan data sokongan kepada data primer yang telah dikumpulkan. Tujuan data ini adalah untuk mendapatkan penerangan, fakta serta pemahaman atau hasil kajian pengkajian terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian.

Pengumpulan data sekunder melibatkan kaedah menggunakan sumber-sumber dokumentari. Kaedah ini lebih mengutamakan penyelidikan perpustakaan. Sumber-sumber ini dapat menyumbangkan maklumat yang diperlukan, sama ada maklumat berbentuk am ataupun empirikal. Data terkumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji yang lain dapat memberikan maklumat asal yang diperlukan (Rohana Yusof, 2003:127).

ntara jenis-jenis data sekunder adalah seperti berikut :

**i) Jurnal**

Penulisan jurnal amat berguna untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Penulisan jurnal kebiasanya menjadi antara rujukan utama kepada pelajar untuk dijadikan sebagai sumber maklumat penyelidikan dan penulisan kerja yang ingin dihasilkan.

**ii) Buku**

Buku sememangnya alat penting bagi manusia memperoleh ilmu. Tanpa buku adalah sukar untuk manusia itu menjadi lebih bijak dan berpotensi untuk mencapai cita-cita yang diidamkan. Maka kepentingan buku tidak boleh tidak amat bermakna bukan sahaja dalam membentuk pemikiran

manusia tetapi turut meresapi sehingga kepada pembangunan tamadun manusia itu sendiri. Buku juga merupakan antara jenis data sekunder yang sering digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu tujuan terutamanya untuk menjalankan kajian dan penyelidikan.

### **iii) Majalah**

Majalah juga tergolong sebagai jenis data sekunder yang digunakan untuk memperolehi maklumat dan sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan sesuatu kajian dan penyelidikan. Meskipun penggunaan majalah adalah tidak begitu meluas jika dibandingkan dengan penggunaan jenis data sekunder yang lain seperti jurnal, buku maupun surat khabar, akan tetapi majalah juga sebenarnya antara bahan komponen utama sebagai wadah penyampaian ilmu yang sesuai dijadikan sebagai data sekunder bagi sesuatu rujukan dalam penyelidikan.

### **iv) Surat khabar**

Kepentingan surat khabar memang tidak dapat dinafikan akan kepentingannya bagi seseorang itu untuk mendapatkan maklumat terkini dan ilmu pengetahuan yang berguna. Sejak zaman berzaman, surat khabar menjadi bahan bacaan utama bagi masyarakat manusia di dunia ini. Ini dapat menjadikan betapa surat khabar mempunyai kuasa besar dalam menyampaikan maklumat kepada penggunanya. Oleh hal yang demikian juga ramai pengkaji dan pelajar turut menjadikan surat khabar sebagai data sekunder mereka untuk mendapatkan maklumat.

#### **v) Maklumat internet**

Dalam dunia yang kian maju kini, tidak dapat dinafikan maklumat kini adalah mudah diperolehi. Hanya menaip di muka computer sahaja, kita dapat memperolehi maklumat yang kita inginkan. Oleh hal yang demikian juga, maklumat daripada internet digolongkan sebagai data sekunder yang kian popular digunakan pada masa sekarang

#### **vi) Rekod fail lama**

Rekod – rekod dari fail lama juga dikelaskan sebagai data sekunder. Rekod fail lama sebenarnya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan kajian sesuatu kerja. Rekod fail lama biasanya mempunyai kepentingan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

Bagi melaksanakan pengumpulan data sekunder penulis lebih banyak menghabiskan masa di perpustakaan yang terdapat di seluruh negara ini. Walaupun kajian ini diluar daripada kajian lapangan antara sumber utama kajian ini ialah perpustakaan. Kajian perpustakaan merupakan salah satu cara untuk menyiapkan tugasan yang telah diberikan. Banyak buku rujukan diperoleh dari beberapa perpustakaan bagi membantu dalam menyiapkan tugas ini.

Buku-buku yang diperolehi adalah buku-buku yang berkaitan dengan sejarah Balaghah, Perkembangan Balaghah di Malaysia, jurnal-jurnal, kertas-kerja kertas-kerja, kandungan kursus-kursus metodologi penyelidikan sains sosial, dan contoh-contoh tesis yang berkaitan. Semua buku tersebut banyak mengandungi sumber rujukan dan berkait rapat dengan penyelidikan ini. Selain itu juga, kajian perpustakaan merupakan lokasi kedua yang terpenting dalam tugas ini, di mana semua kemudahan untuk mendapatkan bahan rujukan mudah diperolehi. Begitu juga dengan 2006 : 60)

### **3.2 Lokasi kajian**

Kajian ini dijalankan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu iaitu kampus Gong Badak.

### **3.3 Sampel kajian**

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Selain daripada faktor-faktor reka bentuk kajian dan pengukuran, kualiti hasil penyelidikan juga bergantung kepada persampelan kajian Chua yan Piaw (2006 : 179)

Sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah populasi. Menurut Mohd Najib 1999, seluruh populasi ialah di mana semua ahli digunakan, ini menjelaskan bahawa semua populasi pelajar semester enam Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Justeru, penulis telah mendapatkan kesemua 200 orang responden bagi menyertai kajian ini. Responden adalah Pelajar Diploma Pengajian Kontemporari Islam yang mewakili lima jabatan iaitu,

- 1- Jabatan Syariah
- 2- Jabatan Usuluddin
- 3- Jabatan Dakwah
- 4- Jabatan Al-Quran dan Sunnah
- 5- Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam

Pelajar-pelajar ini pula ialah daripada semester enam yang sedang mengambil kursus Balaghah II. Memandangkan jumlah pelajar yang tidak ramai penulis memilih untuk

menggunakan keseluruhan pelajar seramai 200 orang yang mewakili keseluruhan populasi pelajar semester lima bagi mewakili setiap jabatan.

Bilangan responden bagi Jabatan Syari'ah ialah seramai 71 orang (35.5%), manakala jumlah kedua paling ramai ialah dari jabatan Usuluddin iaitu seramai 42 orang (21%), seterusnya Jabatan Al-Quran Sunnah seramai 35 orang (17.5%), diikuti pula dengan Jabatan Dakwah seramai 27 orang (13.5%), akhir sekali dan paling sedikit ialah Jabatan bahasa Arab, juga dikenali dengan Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam iaitu seramai 25 orang responden atau sebanyak (12.5%).

Secara rasionalnya pelajar-pelajar terbabit dipilih kerana mereka telah mengambil kursus Balaghah 1 ketika di semester lima. Mereka telah didedahkan dengan ilmu-ilmu asas dalam balaghah jadi ini akan memudahkan mereka member kerjasama serta memberi maklumat-maklumat yang dikehendaki sepanjang kajian ini dijalankan. Tambahan pula mereka sudah berpengalaman dalam sukatan pelajaran balaghah, bentuk penilaian serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Ini kerana mereka telah menghadapi kursus balaghah1 pada semester lima yang lepas. Hal ini menambahkan lagi keyakinan penulis bahawa responden yang dipilih benar-benar telah mengenali ilmu Balaghah.

Selain itu penulis memilih Universiti Sultan Zainal Abidin memandangkan ia hanya sebuah universiti yang telah lama memperkenalkan subjek ini kepada pelajar-pelajar. Di samping itu universiti ini juga mempunyai majoriti pelajar dari fakulti pengajian islam, yang kebanyakan pelajarnya telah mempunyai asas dalam bahasa Arab dan Pengajian Islam. Jadi, secara asasnya kajian ini dapat digeneralisasikan kepada

keseluruhan populasi pelajar yang mengambil kursus Balaghah di universiti-universiti lain juga, kerana rata-ratanya mereka dari latar belakang yang sama.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Soal selidik diedarkan kepada 200 orang pelajar yang mewakili responden. Ianya dilandaskan kepada objektif kajian supaya maklumat yang diperoleh akan lebih spesifik dan tepat. Borang soal selidik ini melibatkan dua bahagian yang utama iaitu bahagian A dan B

#### **i) Bahagian A**

Dalam bahagian A, penyelidik mengemukakan soalan-soalan yang melibatkan latar belakang pelajar dari segi jantina, tingkatan, pendidikan individu, pekerjaan ibubapa, mula belajar membaca al-Quran, kemahiran tulisan Jawi, masa mengulang kaji pelajaran bahasa Arab, keputusan peperiksaan bahasa Arab, saudara mara yang pernah mempelajari bahasa Arab serta tujuan mempelajari bahasa Arab.

#### **(ii) Bahagian B**

Skala Likert telah digunakan bagi soalan-soalan dari bahagian B, C dan bahagian D. Dalam skala Likert, responden dikehendaki menandakan jawapan mereka mengikut kecenderungan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya daripada ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’ (Mohamad Najib, 1999:88).

Contoh Skala Likert adalah seperti yang diberikan di bawah:

Pilihan	Skala Lima mata Likert
Sangat Tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

**Jadual 3.1:** Skala Lima Mata Likert

### **3.5 PENGANALISISAN DATA**

Selepas maklumat atau data dikumpul, dicanai dan dipilih mengikut kesesuaian permasalahan penyelidikan, tibalah masanya penyelidik melakukan aktiviti penganalisisan data tersebut. Dalam perkara ini, terdapat empat aktiviti penganalisisan data iaitu pemprosesan data, membuat kenyataan berdasarkan data yang diproses, mengaitkan atau membandingkan dapatan kajian dengan hasil lain dan membuat kesimpulan atau implikasi berdasarkan peringkat 1 dan 2 (Sulaiman Masri,2003:66).

#### **3.5.1 Kaedah Kualitatif**

Data yang dianalisis dalam kaedah kualitatif adalah perkataan, gambar atau artifak dan bukannya nilai angka. Data kaedah kualitatif terdiri daripada nota catatan lapangan, transkrip temu bual, gambar, artifak, pita rakaman audio/video, memo, dokumen bertulis rasmi atau tidak rasmi atau sebagainya. Data-data ini lebih banyak dianalisis secara deskriptif. Pengkaji tidak menukar data-data tersebut dalam bentuk angka seperti pendekatan kajian kuantitatif. Pengkaji cuba mengurai, memahami dan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat daripada data-data tersebut supaya menjadi sesuatu yang bermakna.

### **3.5.2 Kaedah Kuantitatif**

Apabila menggunakan pendekatan bersifat kuantitatif, penyelidik kerap mengumpul data daripada sejumlah besar individu, membuatkannya begitu rumit tetapi tidak mustahil menilai data kerana keluasannya. Dalam pendekatan kuantitatif, tinjauan dilakukan ke atas sejumlah besar individu atau menggunakan jadual temu bual berstruktur yang mana soalan adalah berbentuk soalan tertutup digunakan. Sebagai tambahan kepada teknik pengumpulan data yang standard dalam tinjauan dan temubual, berbagai-bagai teknik kreatif direka bagi penyelidikan bersifat kuantitatif ini(Rohana Yusof, 2003:151).

Kaedah ini digunakan dalam menganalisis hasil daripada borang soal selidik yang telah disediakan oleh penulis yang diedarkan kepada 200 orang responden yang terdiri daripada lima jabatan berlainan sebagaimana yang telah disebut sebelum ini. Penulis telah mengedarkan borang soal selidik itu sendiri serta berjumpa sendiri dengan responden. Bermakna penulis tidak menggunakan teknik soal-selidik secara pos. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden telah dipungut pada waktu itu juga.

Penulis menggunakan pakej bantuan analisis statistik iaitu pengaturcaraan Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 11.5 bagi tujuan menganalisis data. Data dan maklumat yang dianalisis dalam kaedah kuantitatif ini diperoleh daripada soal selidik yang merupakan data primer. Hasil analisis kemudiannya disusun dan dibentuk dalam bentuk jadual supaya lebih mudah difahami.

Perisian ini adalah satu daripada beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis dan memproses data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khas untuk menampung

penganalisisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan depat dan cekap. Di samping itu, SPSS juga dibina dengan mengambil kira paras ukuran yang sering digunakan di dalam penyelidikan pendidikan seperti ukuran-ukuran nominal, ordinal, sela dan nisbah. (Mohd Majid Konting, 1990:288).

Tujuan penulis mengumpul data ialah untuk :

1. memerihalkan sesuatu populasi dengan menggunakan statistik sampel, seperti purata, sisihan piawai, atau membandingkan beberapa populasi dari segi ciri-ciri penting populasi itu.
2. Mengelaskan atau mengelompokkan responden mengikut ciri-ciri tertentu dengan membuat taburan ulangan atau memaparkan secara jadual; - dengan tujuan supaya dapat diketahui berapa ramai responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu.
3. Menguji sama ada ciri-ciri tertentu responden berkait dengan ciri-ciri tertentu yang lain, misalnya menguji samada penggunaan sesuatu teknologi berkait dengan keluasan ladang seseorang peladang atau penggunaan teknologi teknolgogi pendidikan oleh guru berkait dengan personaliti guru (seperti diukur dengan 16PF).
4. Mengukur hubungan di antara satu angkubah sandar dengan beberapa angkubah bebas, dan menguji keeretian keputusan yang diperoleh. SPSS dan SPSS/PC+ adalah dua perisian komputer ‘adik-beradik’ yang boleh digunakan oleh penulis untuk mencapai semua tujuan tersebut di atas. SPSS adalah perisian yang digunakan dalam kerangka utama komputer, manakala SPSS/PC+ ialah perisian khusus untuk komputer peribadi (mikro komputer). (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992:145).

Data atau maklumat yang diperoleh daripada bahagian A dianalisis untuk mengetahui latar belakang sampel kajian. Nilai kekerapan dan peratusan digunakan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan. Manakala bagi data mentah bahagian B pula dianalisis untuk mengetahui hasil pandangan responden terhadap setiap item yang diberikan untuk menjawab segala persoalan kajian. Analisis bahagian B ini dibentangkan dalam bentuk peratusan dan min bagi lima jenis respons sahaja seperti berikut:

**Jadual 3.2** Skala Pengukuran Tahap Penguasaan

SKALA	MIN
Tidak setuju	1.50-2.49
Tidak Pasti	2.50-3.49
Sangat Tidak Setuju	1.00-1.49
Setuju	3.50-4.49
Sangat Setuju	4.50-5.00

### **3.6 Kesimpulan**

Bab ini menjelaskan bagaimana kaedah kajian ini dijalankan berasaskan kepada metode terkini yang dinyatakan oleh para sarjana. Hasil daripada kajian akan dianalisiskan dalam bab seterusnya yang akan merumuskan beberapa dapatan yang akan menjawab persoalan-persoalan sebelumnya.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, penulis akan membincang dan menghuraikan hasil penganalisisan data serta keputusan yang diperoleh berdasarkan maklum balas daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden di setiap jabatan di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam yang meliputi Jabatan Syariah, Jabatan al-Quran dan Sunnah, Jabatan Dakwah, dan Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam. Maklum balas yang dikumpul telah dikaji dari pelbagai aspek untuk menjawab persoalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab 1 yang lalu. Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 11.5.

Melihat kepada kepentingan analisis data yang diperolehi, penulis telah menganalisis data-data yang diperolehi daripada responden yang mengisi borang soal selidik. Penulis telah menggunakan perisian SPSS untuk memudahkan proses penganalisisan data. Menurut Mohd Majid Konting (1990:288), perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) adalah satu daripada beberapa pekej perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis dan memproses data penyelidikan, khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khas untuk menampung penganalisisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cepat dan cekap.

Secara keseluruhannya, sebanyak 200 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin yang merangkumi lima jabatan yang berlainan seperti yang telah dinyatakan di atas. Daripada jumlah yang tersebut, tiada satu set borang pun yang tertinggal, hilang dan sebagainya. Kesemua borang soal selidik berjaya dikutip dan dikumpulkan semula oleh penulis.

Proses penganalisisan data bagi soal selidik yang dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi setiap item yang dikemukakan. Proses tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A (latar belakang responden) dan Bahagian B (soal selidik). Bagi bahagian yang pertama, ia mengandungi 5 item yang terdiri daripada jantina, jabatan, pendidikan sekolah menengah, keputusan Balaghah di semester lepas, serta akhir sekali minat mempelajari bahasa Arab.

Manakala untuk bahagian yang kedua (soal selidik) pula mengandungi item-item soalan yang dibina berpandukan kepada persoalan kajian seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini. Kesemua hasil analisis dan keputusan daripada soal selidik dapat dilihat melalui jadual-jadual yang dipaparkan selepas ini beserta huraiannya.

#### **4.1 BAHAGIAN A (LATAR BELAKANG RESPONDEN)**

Pada bahagian ini, penulis akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Ini termasuklah perkara-perkara yang telah dinyatakan pada 4.0 tadi. Penganalisisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Jumlah

keseluruhan responden ialah sebanyak 200 orang pelajar. Perbincangan pada bahagian ini akan dijelaskan mengikut kategori item yang telah ditetapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah.

**Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus
1	Jantina	lelaki	64	32%
		Perempuan	136	68%
Jumlah			200	100%

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden kajian mengikut jantina. Item ini perlu diambil perhatian memandangkan jantina seringkali dikatakan dapat mempengaruhi faktor pembelajaran tidak kira apa jenis subjek. Secara keseluruhan, daripada jumlah responden seramai 200 orang yang terpilih untuk mengambil bahagian dalam sesi soal selidik yang dikemukakan, hanya seramai 64 orang atau 32% pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Manakala pelajar perempuan pula ialah seramai 136 orang iaitu sebanyak 68% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat berbanding responden lelaki dalam kajian ini.

**Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jabatan**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus
2	Jabatan	Syari'ah	71	35.5%
		Usuluddin	42	21.0%
		al-Quran & Sunnah	35	17.5%
		Dakwah	27	13.5%
		Bahasa Arab	25	12.5%
Jumlah			200	100%

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah responden yang dikategorikan mengikut jabatan masing-masing. Ini juga penting untuk dibincangkan bagi memberikan gambaran tentang perbezaan aliran dan sikap di kalangan responden terhadap subjek Balaghah serta pencapaian yang diperolehi dalam penilaian Ujian Penguasaan Balaghah mengikut

jabatan yang berlainan. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, terdapat lima jabatan di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam di UniSZA. Majoriti responden mewakili Jabatan Syari'ah iaitu seramai 71 orang atau merangkumi 35.5%, manakala jumlah kedua paling ramai ialah dari Jabatan Usuluddin iaitu seramai 42 orang iaitu sebanyak 21%, seterusnya Jabatan al-Quran dan Sunnah seramai 35 orang atau 17.5%, diikuti pula dengan Jabatan Dakwah seramai 27 orang atau 13.5%, akhir sekali dan paling sedikit ialah Jabatan Bahasa Arab, juga dikenali dengan Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam iaitu seramai 25 orang responden atau sebanyak 12.5%.

**Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Pendidikan Sekolah Menengah**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus
3	Pendidikan Sekolah Menengah	Agama	192	96%
		Bukan Agama	8	4%
Jumlah			200	100%

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden berdasarkan latar belakang pendidikan mereka sebelum menyambung pengajian ke peringkat universiti. Jadual ini menunjukkan bahawa responden kebanyakannya berasal dari sekolah menengah agama atau Arab iaitu seramai 192 orang atau merangkumi (96%). Manakala responden yang berasal dari sekolah bukan agama atau sekolah menengah harian biasa hanya sejumlah 8 orang ataupun mewakili (4%) dari jumlah responden. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar telah mempunyai asas dalam bidang agama dan bahasa Arab.

**Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Pencapaian Balaghah di Semester Lepas**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus
4	Keputusan Balaghah di semester 5	A, A-	18	9%
		B+, B, B-	84	42%
		C+, C, C-	86	42.5%
		D+, D	12	6.5%
Jumlah			200	100%

Jadual 4.4 pula menunjukkan taburan responden mengikut pencapaian mata pelajaran Balaghah semasa di semester lima. Analisis ini mendapati majoriti responden mendapat gred C samada C+ ataupun C- dan C. Iaitu seramai 86 orang ataupun (42.5%), diikuti rapat ialah responden yang mendapat gred B+, B- dan B, perbezaan yang tidak jauh iaitu seramai 84 orang atau (42%). Seterusnya responden yang mendapat gred A dan A- hanya seramai 18 orang atau (9%), dan akhir sekali gred yang paling sedikit diperolehi responden ialah gred D+ dan D, iaitu seramai 12 orang ataupun (6%) mewakili semua responden.

**Jadual 4.5 Taburan Responden Menurut Minat Belajar Bahasa Arab**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus
5	Sangat Minat	59	29.5%
	Minat	112	56%
	Kurang Minat	25	12.5%
	Tidak minat	4	2%
Jumlah		200	100%

Jadual 4.5 menjelaskan taburan responden menurut minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab. Seramai 112 responden atau (56%), menyatakan mereka minat mempelajari bahasa Arab. Jumlah ini mewakili responden yang paling ramai. Ia diikuti pula dengan skala sangat minat iaitu seramai 59 orang atau (29.5%). Seterusnya 25 orang responden atau (12.5%), menyatakan bahawa mereka kurang minat dengan bahasa Arab, dan akhir sekali responden yang memilih skala tidak minat terhadap bahasa Arab adalah yang paling sedikit iaitu seramai 4 orang sahaja iaitu hanya (2%).

#### **4.2 BAHAGIAN B (ANALISIS ITEM SOAL SELIDIK)**

Bahagian ini mengandungi item-item soalan mengenai persoalan kajian yang berkaitan dengan pembelajaran Balaghah dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, sebanyak 25 item soalan telah dibina, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Item-

item soalan ini diadaptasi daripada kajian lepas yang dijalankan oleh Azhar bin Muhammad (2006: 422-426). Semua item soalan yang dibentuk menggunakan format skala Likert bagi memudahkan proses kajian dijalankan. Format tersebut bertujuan memudahkan responden untuk membuat pilihan jawapan yang tepat.

Skala Likert tersebut terdiri daripada lima kategori skor iaitu 1 = (Sangat Tidak Setuju), 2 = (Tidak Setuju), 3 = (Tidak Pasti), 4 = (Setuju) dan 5 = (Sangat Tidak Setuju). Bagi memudahkan analisis dibuat, penulis telah mengklasifikasikan proses penganalisisan data dalam bahagian ini kepada dua analisis yang berbeza iaitu analisis mengikut setiap item soalan yang dikemukakan dan analisis secara keseluruhan berdasarkan spesifikasi aspek kajian.

#### **4.3 Analisis Mengikut Item Soalan**

Proses penganalisisan data dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian secara lebih terperinci berdasarkan setiap satu item soalan yang dikemukakan. Penganalisisan data ini dibuat dengan merujuk kepada skor kekerapan, peratus dan juga min (purata). Bagi memudahkan proses analisis dijalankan, item-item soalan yang dibina telah dibahagikan kepada tiga aspek. Spesifikasi aspek soal selidik tersebut ialah:

- 1- Aspek persepsi pelajar serta minat mereka terhadap ilmu Balaghah.
- 2- Aspek kesukaran yang dihadapi pelajar serta penguasaan mereka dalam ilmu Balaghah.
- 3- Aspek keberkesanan pembelajaran serta penerimaan responden terhadap bentuk penilaian Balaghah di peringkat tinggi.

#### **4.3.1 (a) Persepsi Pelajar Serta Minat Mereka terhadap Ilmu Balaghah.**

Melalui aspek ini, penulis telah menyediakan 5 item soalan berkaitan (dari item 1 hingga 5), untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Maklum balas ini penting dalam usaha untuk mengetahui penerimaan dan kefahaman mereka terhadap pembelajaran Balaghah. Berikut adalah keputusan analisis bersama huraiannya bagi setiap item tersebut:

**Jadual 4.6 : Taburan Minat Responden Mempelajari Balaghah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
1	Saya berminat mempelajari ilmu Balaghah Arab dan berpendapat tidak lengkap belajar bahasa Arab tanpa menguasai ilmu Balaghah.	1	-	-	4.10
		2	7	3.5%	
		3	27	13.5%	
		4	106	53%	
		5	60	30%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual 4.6 menunjukkan seramai 106 orang responden atau mewakili (53%) bersetuju, disokong pula yang sangat setuju seramai 60 orang atau (30%), manakala jumlah responden yang tidak setuju mencatatkan nilai paling sedikit iaitu seramai 7 orang atau (3.5%) sahaja. Sementara baki yang lain iaitu 27 orang atau (13.5%) menyatakan tidak pasti. Penulis mendapati majoriti daripada keseluruhan responden berminat terhadap ilmu Balaghah serta menyedari tentang kepentingannya. Rumusan ini berdasarkan kepada (83%) daripada jumlah responden bersetuju dan sangat setuju dengan item ini. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.10 yang menunjukkan kebanyakan responden pada aras setuju.

**Jadual 4.7 : Taburan Kesedaran Terhadap Keindahan Sastera Arab**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
2	Saya dapat rasakan keindahan sastera Arab selepas mempelajari Balaghah.	1	1	0.5%	4.34
		2	-	-	
		3	12	6%	
		4	104	52%	
		5	83	41.5%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual 4.7 mendapati kebanyakan responden memberikan jawapan bersetuju iaitu seramai 104 orang atau 52%, juga sangat setuju seramai 83 orang atau 41.5%. Manakala 12 yang lain atau 6% menyatakan tidak pasti, tiada seorang pun responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Min yang direkodkan sebanyak 4.34, membuktikan rata-rata responden bersetuju dengan item ini.

**Jadual 4.8 : Taburan aplikasi ilmu Balaghah dalam komunikasi dan penulisan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
3	Saya tidak dapat mengaplikasikan ilmu Balaghah dalam komunikasi dan penulisan bahasa Arab.	1	16	8%	3.22
		2	35	17.5%	
		3	85	42.5%	
		4	58	29%	
		5	6	3%	
	Jumlah		200	100%	

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, item ini sengaja dibentuk dalam ayat negatif. Jadual di atas menunjukkan kebanyakan pelajar memberikan jawapan tidak pasti iaitu seramai 85 orang pelajar ataupun mewakili (42.5%) daripada responden. Walau bagaimanapun seramai 58 orang atau (29%) daripada responden menyatakan setuju dan 6 orang lagi iaitu (3%) daripada mereka sangat setuju dengan item ini. Manakala responden yang tidak setuju pula seramai 35 orang atau (17.5%), disokong oleh sangat tidak setuju seramai 16 orang iaitu (8%). Ini menjadikan jumlah min sebanyak 3.22. Jumlah min yang berada pada tahap sederhana menunjukkan majoriti responden tidak pasti dengan kenyataan item ini

**Jadual 4.9 : Taburan Penguasaan Terhadap Ilmu Balaghah.**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
4	Saya dapat menguasai ilmu Balaghah dengan baik setakat yang telah saya pelajari hingga sekarang.	1	6	3.0%	3.36
		2	20	10%	
		3	89	44.5%	
		4	83	41.5%	
		5	2	1.0%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual seterusnya ini menerangkan kepada kita jumlah responden paling tinggi ialah pada jawapan tidak pasti iaitu seramai 89 orang atau (44.5%), seramai 83 responden atau (41.5%) pula menyatakan jawapan setuju, disamping 2 orang lagi atau (1% ) daripadanya yang sangat setuju dengan item ini. Manakala jumlah responden yang tidak setuju ialah seramai 20 orang iaitu (10%), dan akhir sekali, 6 yang lain menyatakan sangat tidak setuju iaitu sebanyak (3%). Min keseluruhan item ini pula ialah sebanyak 3.36 juga pada aras yang sederhana iaitu rata-rata pelajar tidak pasti dengan soalan item ini.

**Jadual 4.10 : Taburan Kesediaan Mempelajari Balaghah ke Peringkat Yang Lebih Tinggi**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
5	Saya sentiasa bersedia dan berminat untuk mempelajari Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi.	1	3	1.5%	3.74
		2	10	5%	
		3	58	29%	
		4	95	47.5%	
		5	34	17%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual ini memberikan penjelasan bahawa seramai 95 responden atau (47.5%) yang setuju dengan item ini, disokong oleh 34 lagi responden iaitu (17%) yang sangat setuju. Namun begitu, sejumlah 58 orang yang lain atau (29%) daripada mereka memberikan jawapan tidak pasti, 10 orang lagi menyatakan tidak setuju iaitu (5%) daripada keseluruhan responden, diikuti akhir sekali dengan 3 orang atau (1.5%) yang

sangat tidak setuju. Jumlah min mencatatkan sebanyak 3.74, menunjukkan kebanyakan responden memberikan respon yang agak positif terhadap kenyataan ini.

#### **4.3.2 (b) Kesukaran Yang Dihadapi Pelajar Serta Penguasaan Mereka Dalam Ilmu Balaghah.**

Melalui aspek kedua persoalan kajian, penulis telah menyediakan 10 item soalan bermula daripada item 6 hingga 15 yang berdasarkan kepada permasalahan yang dihadapi responden dalam pembelajaran Balaghah. Item-item soalan yang dibina juga bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan pembelajaran Balaghah yang dilalui oleh responden dan sejauh mana pelaksanaan ini dapat memberi kesan kepada kemajuan responden dalam mata pelajaran tersebut. Berikut dibentangkan hasil dan ulasan analisis yang dilakukan dalam persoalan kajian ini.

**Jadual 4.11: Taburan Mengenai Masa Pembelajaran Balaghah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
6	Saya pasti masa diperuntukkan untuk belajar Balaghah mencukupi.	1	3	1.5%	3.46
		2	32	16%	
		3	54	27%	
		4	92	46%	
		5	19	9.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual di atas menunjukkan jumlah paling ramai ialah yang memilih jawapan setuju dengan item ini, iaitu seramai 92 orang ataupun (46%) daripada jumlah responden. Disokong pula dengan 19 orang pelajar atau (9.5%) yang sangat setuju. Manakala 54 orang atau (27%) yang lain menyatakan tidak pasti. 32 orang yang lain atau (16%) pula tidak setuju, akhir sekali hanya 3 orang atau (1.5%) memberikan jawapan sangat tidak setuju. Catatan min bagi item ini ialah sebanyak 3.46 yang memperlihatkan responden tidak pasti dengan kenyataan item ini.

**Jadual 4.12 : Taburan Keseronokan Mengikuti Proses Pembelajaran Balaghah**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Skor</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
7	Saya rasa lebih seronok semasa berada dalam proses pembelajaran Balaghah dalam kelas.	1	1	0.5%	4.06
		2	6	3.0%	
		3	27	13.5%	
		4	112	56.0%	
		5	54	27.0%	
Jumlah			200	100%	

Jadual berikutnya menunjukkan jumlah yang paling ramai ialah 112 orang atau (56%) daripada responden memilih jawapan setuju, diikuti pula dengan sangat setuju seramai 54 orang atau (27%). Manakala seramai 27 orang atau (13.5%) tidak pasti dengan item ini, dan hanya 6 orang atau (3%) yang menyatakan tidak setuju, disokong seorang lagi atau (0.5%) yang memilih untuk sangat tidak setuju dengan item ini. Min yang ditunjukkan juga berada pada aras yang agak tinggi iaitu sebanyak 4.06. Ini menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan item ini.

**Jadual 4.13 : Taburan Kesesuaian Nota Pelajaran Yang Digunakan**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Skor</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
8	Saya lihat nota pelajaran yang digunakan sekarang sesuai dan mudah difahami.	1	5	2.5%	3.90
		2	8	4.0%	
		3	26	13.0%	
		4	125	62.5%	
		5	36	18.0%	
Jumlah			200	100%	

Dapatan ini antara lain menunjukkan bahawa pelajar yang bersetuju adalah yang paling ramai iaitu 125 orang atau (62.5%) iaitu lebih separuh daripada jumlah responden. Jumlah yang sangat setuju mencatat jumlah kedua ramai iaitu sebanyak 36 orang atau (18.0%), manakala 26 orang responden atau (13%) tidak pasti. Walau bagaimanapun, seramai 8 orang atau (4%) tidak setuju dan 5 orang lagi atau (2.5%) memilih jawapan sangat tidak setuju. Akhirnya, min yang didapati daripada

keseluruhannya ialah sebanyak 3.90. Jumlah min ini berada pada aras yang agak tinggi menerangkan majoriti responden bersetuju.

**Jadual 4.14 : Taburan Kecenderungan Terhadap Contoh Ayat al-Quran dan Hadis.**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
9	Saya lebih suka contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan hadis semasa mempelajari Balaghah.	1	-	-	4.14
		2	6	3.0%	
		3	22	11.0%	
		4	110	55.0%	
		5	62	31.0%	
	Jumlah		200	100%	

Merujuk kepada jadual diatas, didapati hampir keseluruhan responden mempunyai jawapan yang positif terhadap item ini, iaitu seramai 110 atau (55%) menyatakan setuju dan disokong oleh jawapan sangat setuju iaitu seramai 62 orang atau (31%), manakala 22 orang pelajar atau (11%) memilih jawapan tidak pasti, dan hanya 6 orang atau (3%) sahaja tidak setuju, manakala tiada pelajar yang sangat tidak setuju dengan item ini. Jumlah min yang dicatatkan juga agak tinggi iaitu sebanyak 4.14. Ianya memberikan kita gambaran bahawa kebanyakan responden setuju dengan item tersebut.

**Jadual 4.15 : Taburan Kecenderungan Terhadap Contoh Ayat Biasa**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
10	Saya lebih suka contoh-contoh dalam bentuk ayat biasa berbanding selainnya.	1	2	1.0%	3.57
		2	26	13.0%	
		3	48	24.0%	
		4	104	52%	
		5	20	10%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual di atas pula memaparkan data perolehan kajian penulis bagi soalan ke 10. Peratusan setuju masih lagi merupakan peratusan yang tertinggi iaitu (52%) atau seramai 104 responden disokong oleh jawapan sangat setuju terhadap item iaitu seramai 20 orang atau (10%), manakala seramai 48 pelajar atau (24%) tidak pasti, diikuti pula

26 pelajar atau (13%) tidak setuju dan akhir sekali 2 orang lagi sangat tidak setuju atau hanya (1%) daripada jumlah keseluruhan pelajar. Jumlah min pula ialah sebanyak 3.57 yang masih berada pada aras setuju.

**Jadual 4.16 : Taburan Kemampuan Memahami Kaedah-Kaedah Balaghah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
11	Saya dapat memahami setiap kaedah Balaghah dan tidak susah memahaminya.	1	3	1.5%	3.27
		2	20	10.0%	
		3	104	52.0%	
		4	67	33.5%	
		5	6	3.0	
		Jumlah	200	100%	

Jadual di atas pula menunjukkan tindak balas terhadap kemampuan memahami kaedah-kaedah Balaghah. Secara keseluruhannya, data menunjukkan jumlah yang paling ramai memberikan jawapan tidak pasti iaitu seramai 104 atau (52%) pelajar. Manakala jumlah kedua ramai pula ialah sebanyak 67 orang atau (33.5%) yang memilih jawapan setuju, manakala 6 orang lagi atau (3%) sangat setuju, 20 orang responden yang lain atau (10%) daripada mereka tidak setuju dan akhir sekali yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu hanya seramai 3 orang atau (1.5%). Min bagi item ini pula sebanyak 3.27. Jumlah min yang agak rendah menunjukkan kebanyakan responden tidak pasti dengan kenyataan ini.

**Jadual 4.17 : Taburan Penerimaan Terhadap Kaedah Pengajaran Balaghah Yang Dilakukan Oleh Pensyarah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
12	Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan pensyarah.	1	-	-	4.09
		2	1	0.5%	
		3	27	13.5%	
		4	125	62.5%	
		5	47	23.5%	
		Jumlah	200	100%	

Jadual seterusnya memperlihatkan sebanyak 125 orang atau (62.5%) memilih skor setuju, sangat setuju pula 47 orang atau (23.5%). Selain itu seramai 27 orang atau (13.5%) memberikan jawapan tidak pasti dan akhir sekali hanya seorang atau (0.5%) yang tidak setuju dengan kenyataan item ini. Min keseluruhan yang dicatatkan pula ialah sebanyak 4.09, menunjukkan purata responden bersetuju dengan item ini.

**Jadual 4.18 : Taburan Penggunaan Bahasa Arab Oleh Pensyarah Semasa Mengajar**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
13	Saya dapati pensyarah lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar Balaghah daripada bahasa Melayu.	1	5	2.5%	3.02
		2	68	34.0%	
		3	48	24.0%	
		4	76	38.0%	
		5	3	1.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual 4.18 berikut membentangkan keputusan min keseluruhan yang agak rendah berbanding item-item yang lain, iaitu hanya sebanyak 3.02. Walaupun begitu jumlah pelajar yang memilih jawapan setuju pula masih di tahap tertinggi iaitu seramai 76 pelajar atau (38%), disokong pula oleh bilangan yang sangat setuju dengan item ini seramai 3 orang iaitu sebanyak (1.5%), namun begitu seramai 48 pelajar atau (24%) menyatakan tidak pasti, 68 orang atau (34%) yang merupakan jumlah kedua tertinggi pula tidak bersetuju dengan kenyataan ini, diikuti pula disitu ialah 5 orang pelajar atau (2.5%) yang memilih jawapan sangat tidak setuju. Min yang agak rendah iaitu 3.02 menunjukkan pelajar berada pada aras tidak pasti bagi kenyataan ini.

**Jadual 4.19: Taburan Penggunaan Alat Bantu Selain Daripada buku Teks**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Skor</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
14	Saya dapat pensyarah mengajar Balaghah menggunakan alat bantu selain daripada buku teks.	1	1	0.5%	3.34
		2	45	22.5%	
		3	53	26.5%	
		4	88	44.0%	
		5	13	6.5%	
	Jumlah		200	100%	

Manakala dari aspek penggunaan alat bantu mengajar, jadual berikutnya menunjukkan data yang diperoleh daripada respon pelajar, iaitu seramai 88 pelajar atau (44%) memberikan respon setuju dengan item ini yang juga merupakan jumlah tertinggi, diikuti 53 orang pelajar atau (26.5%) tidak pasti, seterusnya 45 orang atau (22.5%) tidak setuju, 13 orang responden atau (6.5%) sangat setuju dan akhir sekali jumlah terendah ialah hanya seorang atau (0.5%) yang memilih jawapan sangat tidak setuju. Catatan min 3.34 menunjukkan pelajar berada pada aras tidak pasti.

**Jadual 4.20: Taburan dapat Menentukan Unsur Balaghah Dalam al-Qur'an dan Hadis**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Skor</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
15	Saya dapat tentukan unsur Balaghah dalam al-Qur'an dan hadis setakat yang saya pelajari.	1	8	4.0%	2.89
		2	59	29.5%	
		3	86	43%	
		4	42	21%	
		5	5	2.5%	
	Jumlah		200	100%	

Jadual berikutnya pula memberikan keputusan bagi item ke 15. Melalui data yang ditunjukkan dapatan kajian ini, didapati bilangan pelajar yang memilih jawapan tidak pasti adalah yang paling ramai iaitu seramai 86 orang atau (43%) mewakili keseluruhan responden. Manakala jumlah kedua ramai pula memilih jawapan tidak setuju iaitu seramai 59 orang atau (29.5%), diikuti pula dengan jumlah 42 orang atau (21%) responden memilih jawapan setuju dengan item tersebut, 8 orang lagi atau (4%) daripada responden menyatakan sangat tidak setuju dan akhir sekali hanya 5 orang atau

(2.5%) pelajar memilih jawapan sangat setuju. Min keseluruhan pula ialah sebanyak 2.89. Menjelaskan kepada kita bahawa rata-rata responden berada pada aras tidak pasti berkenaan item ini.

#### **4.3.3 (c) Taburan Keberkesanan Pembelajaran Serta Penerimaan Responden Terhadap Bentuk Penilaian Balaghah di Peringkat Tinggi**

Bagi menjawab persoalan aspek ketiga persoalan kajian, penulis telah memperuntukkan sepuluh soalan (dari item 16-25) untuk dijawab oleh responden. Kesemua item yang dibina difokuskan kepada persoalan kajian untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta penerimaan responden terhadap bentuk penilaian yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Balaghah di peringkat Universiti ini. Berikut dibentangkan hasil analisis tersebut beserta huraiyan bagi setiap item berikut.

**Jadual 4.21: Taburan Dapat menentukan Unsur-unsur Balaghah Dalam Teks-teks Arab**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Skor</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
16	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur Balaghah.	1	4	2.0%	3.85
		2	12	6.0%	
		3	54	27%	
		4	80	40%	
		5	50	25%	
Jumlah			200	100%	

Item 16 dalam jadual 4.21 adalah untuk mengetahui kemampuan responden menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab. Hasil analisis menunjukkan responden berjaya mencapai kemampuan untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab. Keadaan ini dibuktikan dengan (65%) daripada keseluruhan responden bersetuju dengan item ini. Sebanyak 80

orang responden bersamaan (40%) responden memilih skor setuju dan 50 responden iaitu (25%) responden yang lain pula memilih sangat setuju.

Di samping itu juga, penyelidik mendapati tidak kurang juga responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Terdapat (35%) lagi responden yang masih kurang setuju bahawa mereka mampu untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab. Terdapat 12 orang responden sahaja iaitu merangkumi (6.0%) sahaja yang memilih tidak setuju dan empat orang yang lain dengan skor sangat tidak setuju. Min yang dicatatkan berada di paras setuju iaitu sebanyak 3.85. Ini jelas memberi gambaran bahawa kemampuan para responden untuk menentukan unsur-unsur Balaghah dalam teks Arab yang mereka baca sudah berada di tahap yang memuaskan. Kemampuan ini perlu dipertingkat dari masa ke semasa agar kesedaran tentang keindahan bahasa Arab itu dapat juga dipertingkatkan.

**Jadual 4.22 : Taburan Kefahaman Pelajar Dalam Ilmu al-BayÉn**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
17	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-BayÉn seperti <i>al-TasybÊh</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas.	1	1	0.5%	3.70
		2	7	3.5%	
		3	76	38%	
		4	84	42%	
		5	32	16%	
Jumlah			200	100%	

Dalam jadual 4.22 di atas, item yang didirikan adalah untuk melihat sejauh mana kemampuan responden memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-BayÉn seperti *al-TasybÊh* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Bagi item ini, skor bersetuju merupakan skor tertinggi iaitu sebanyak 84 responden, merangkumi (42%) daripada keseluruhan responden. Disokong pula sebanyak 32 responden atau (16%) memberikan skor sangat setuju. Justeru, hasil analisis menunjukkan bilangan responden

yang bersetuju dengan item ini lebih ramai daripada golongan yang tidak bersetuju. Catatan min yang berada di paras agak tinggi iaitu 3.70 menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-BayÉn seperti *al-TasybÊh* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Perkara ini terjadi mungkin kerana mereka mendapat bimbingan yang baik daripada pensyarah di dalam kelas.

**Jadual 4.23: Taburan Kefahaman Pelajar Dalam Ilmu *al-Ma’Én***

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
18	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Ma’Én</i> seperti ayat <i>insyÉ</i> , <i>khabar</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	1	8	4.0%	3.62
		2	10	5.0%	
		3	70	35%	
		4	84	42%	
		5	28	14%	
	Jumlah		200	100%	

Analisis data seterusnya ialah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan kemampuan responden untuk memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma’Én* seperti ayat *insyÉ*, *khabar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Jika diamati, item ini adalah hampir sama dengan item yang sebelumnya. Jadi, jangkaan hasil bagi item ini adalah tidak jauh bezanya dengan hasil item yang sebelumnya. Hasil paparan jadual 4.23 menunjukkan responden yang bersetuju lebih ramai daripada yang sebaliknya. Didapati sebanyak 84 orang responden atau (42%) telah menyatakan sokongan penuh pada skor setuju. Di samping itu, 28 yang lain atau meliputi (14%) telah memberikan respons sangat setuju. Sebanyak 70 responden iaitu (35%) merasa tidak pasti bahawa mereka mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma’Én* seperti ayat *insyÉ*, *khabar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Pada skor tidak setuju pula sebanyak 10 orang responden iaitu (5.0%) daripada

responden. Kemudian skor sangat tidak setuju sebanyak 8 orang responden yang memilihnya iaitu meliputi (4.0%), sama dengan skor setuju. Keseluruhannya, catatan min yang ditunjukkan iaitu sebanyak 3.62 menunjukkan lebih ramai responden yang merasakan mereka mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *Ma'ÉnÊ* seperti ayat *insyÊ*, khabar dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas.

**Jadual 4.24: Taburan Kefahaman Pelajar Dalam Ilmu al-BadÊ‘**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
19	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-BadÊ‘</i> seperti <i>al-JinÊs</i> , <i>al-ÙibÊq</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas.	1	2	1.0%	3.61
		2	10	5.0%	
		3	69	34.5%	
		4	96	48%	
		5	23	11.5%	
Jumlah			200	100%	

Seterusnya merupakan analisis berkenaan kemampuan responden memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-BadÊ‘* seperti *al-JinÊs*, *al-Ùibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Jadual 4.24 menunjukkan ramai responden memilih skor setuju dengan jumlah sebanyak 96 orang atau meliputi (48%). Manakala Sebanyak (11.5%) atau, merangkumi 23 orang responden memilih untuk sangat setuju dengan item ini. Manakala bagi skor tidak pasti pula, sebanyak 69 responden yang memilih skor tersebut merangkumi (34.5%) responden. Skor ini merupakan skor kedua yang tertinggi bagi item ini. Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah merekodkan sebanyak 10 orang responden yang bertindak sedemikian iaitu (5.0%) daripada keseluruhan. Selebihnya untuk skor sangat tidak setuju iaitu sebanyak (2%) atau mewakili 4 orang. Catatan min yang berada pada aras 3.61 menunjukkan kebanyakan responden setuju bahawa mereka sememangnya mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-BadÊ‘* seperti *al-JinÊs*, *al-ÙibÊq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas.

**Jadual 4.25: Taburan Terdapat Banyak Unsur-Unsur Balaghah Dalam al-Quran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
20	Saya tahu banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah.	1	-	-	4.13
		2	4	2.0%	
		3	35	17.5%	
		4	94	47%	
		5	67	33.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual 4.25 memaparkan tentang pengetahuan responden bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Sebanyak 94 responden memilih skor setuju, manakala 67 yang lain memilih skor sangat setuju. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak (47%) dan (33.5%). Seterusnya bagi skor kurang pasti, sebanyak 35 orang responden atau mewakili (17.5%) responden memilihnya. Hal ini bersamaan dengan hampir semua item-item sebelumnya, dimana ramai responden yang gemar meletakkan pilihan mereka pada skor ini. Selain itu, terdapat segelintir kecil dari kalangan responden yang tidak bersetuju dengan item ini iaitu seramai empat orang responden atau (2.0%). Tiada seorang pun responden yang memilih skor terakhir iaitu skor sangat tidak setuju. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.13 yang membawa pengertian bahawa responden bersetuju bahawa mereka mengetahui terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah.

**Jadual 4.26: Taburan Ilmu Balaghah Menambahkan Minat Mempelajari Bahasa Arab**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
21	Pembelajaran Balaghah membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab.	1	2	1.0%	3.74
		2	16	8.0%	
		3	58	29%	
		4	86	43%	
		5	38	19%	
Jumlah			200	100%	

Jadual 4.26 adalah berkenaan sama ada pengajaran dan pembelajaran Balaghah membuatkan responden lebih berminat mempelajari bahasa Arab atau sebaliknya. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju terhadap item ini. 86 daripada responden atau merangkumi (43%) memilih untuk skor setuju, manakala 38 lagi atau bersamaan (19%) memberikan respons sangat setuju. Bilangan responden yang berpandangan kurang pasti menunjukkan jumlah yang agak tinggi juga iaitu 58 orang atau meliputi (29.0%). Dapatkan juga menunjukkan sebanyak 16 orang responden menyatakan tidak setuju serta 2 yang lain lagi memilih sangat tidak setuju. Kedua-duanya membawa jumlah sebanyak (9%). Min pada aras setuju dicatatkan iaitu sebanyak 3.74. Ini menunjukkan ramai pelajar yang merasakan bahawa pengajaran dan pembelajaran Balaghah yang mereka alami di dalam kelas bersama dengan bimbingan pensyarah telah membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Perkara ini merupakan satu kejayaan kepada para pensyarah yang mengajar subjek ini.

**Jadual 4.27: Taburan Kebiasaan Responden Dengan Soalan Balaghah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
22	Saya telah biasa dengan bentuk-bentuk soalan Balaghah yang dikemukakan dalam peperiksaan.	1	3	1.5%	3.19
		2	34	17%	
		3	86	43%	
		4	76	38%	
		5	1	0.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual 4.27 menunjukkan terdapat 76 responden atau (38%) menyatakan mereka bersetuju, disokong oleh jawapan sangat setuju hanya seorang pelajar atau (0.5%) sahaja. Sementara 86 atau (43%) daripada responden memberi jawapan tidak pasti. Manakala yang tidak bersetuju pula ialah seramai 34 orang atau (17%) serta disokong oleh seorang responden atau (0.5%) yang sangat tidak setuju dengan item ini. Min keseluruhan yang dicatatkan pula ialah 3.19 iaitu berada pada aras tidak pasti.

**Jadual 4.28 : Taburan Kecenderungan Kepada Soalan Yang Memerlukan Jawapan Secara Hafazan Berbanding Soalan kefahaman**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
23	Saya lebih suka soalan yang memerlukan hafazan daripada kefahaman.	1	23	11.5%	2.86
		2	58	29%	
		3	54	27%	
		4	54	27%	
		5	11	5.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual 4.28 menunjukkan sebanyak 54 orang responden atau (27%) yang memberikan jawapan setuju dengan item ini, begitu juga dengan jawapan sangat setuju, seramai 11 orang atau (11%) memilih item ini. Kekerapan responden yang tidak pasti juga seramai 54 orang atau (27%) sama dengan jumlah responden yang setuju, manakala responden yang memberi jawapan tidak setuju pula seramai 58 orang atau (29%) menjadikan jumlah ini berada pada kedudukan tertinggi, diikuti dengan jawapan sangat tidak setuju seramai 23 orang atau (11.5%). Catatan min keseluruhan bagi item ini ialah 2.86 menunjukkan responden kebanyakannya berada pada aras tidak pasti.

**Jadual 4.29 : Taburan Mengenai soalan Yang Berasaskan Contoh Dalam al-Quran dan al-Hadis lebih Mudah Berbanding Syair Arab**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
24	Saya rasa soalan yang menggunakan contoh daripada al-Quran dan hadis lebih senang berbanding syair arab.	1	-	-	4.32
		2	7	3.5%	
		3	15	7.5%	
		4	85	42.5%	
		5	93	46.5%	
Jumlah			200	100%	

Analisis dalam jadual 4.29 mendapati lebih ramai responden memberikan respon positif. Seramai 93 orang atau (46.5%) yang merupakan jumlah paling ramai memberikan jawapan sangat setuju, manakala 85 orang lagi atau (42.5%) juga setuju dengan item ini, walau bagaimanapun ada juga sebilangan pelajar menyatakan tidak pasti iaitu seramai 15 orang atau (7.5%) dan 7 orang yang lain atau (3.5%) pula menyatakan tidak setuju, jadi min yang ditunjukkan berada pada aras yang agak tinggi iaitu sebanyak 4.32. Ini jelas menunjukkan rata-rata responden bersetuju dengan kenyataan item ini.

**Jadual 4.30 : Taburan Soalan Peperiksaan dapat Menguji Penguasaan Pelajar**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus	Min
25	Saya rasa soalan-soalan yang dikemukakan dapat menguji penguasaan saya memahami gaya bahasa Arab.	1	11	1.5%	2.75
		2	64	15%	
		3	92	46%	
		4	30	32%	
		5	3	5.5%	
Jumlah			200	100%	

Jadual terakhir sekali membentangkan kepada kita seramai 92 pelajar atau (46%) menyatakan tidak pasti yang merupakan jumlah paling ramai, diikuti pula dengan 64 orang atau (32%) tidak setuju dengan item ini. Manakala 30 orang responden atau hanya (15%) daripada responden yang setuju, diikuti seterusnya 11 orang atau (5.5%) pelajar memilih jawapan sangat tidak setuju, akhir sekali yang paling sedikit ialah responden yang memilih jawapan sangat setuju iaitu seramai 3 orang sahaja atau (1.5%) daripada jumlah keseluruhan, ini menjadikan min keseluruhan bagi item ini ialah 2.75, menunjukkan kepada kita bahawa purata responden tidak pasti dengan kenyataan item ini.

#### **4.4 Analisis Secara keseluruhan**

Setiap item soalan akan dianalisis dan diberikan penghuraian secara menyeluruh. Huraian dan pandangan yang diberikan juga adalah berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dibina. Penulis akan membahagikan item-item soalan tersebut kepada tiga aspek yang menjadi perbincangan utama kajian ini. Proses penganalisisan secara menyeluruh ini amat penting untuk melihat keputusan yang bakal diperoleh melalui skop yang lebih umum, terbuka dan mudah dirumus.

##### **4.4.1(a) Taburan Peratusan dan Min Bagi Aspek Pertama**

**Jadual 4.31: Taburan Aspek Pengetahuan dan Minat Responden Dalam Ilmu Balaghah Arab**

Item	Perkara	Skala					Min
		1	2	3	4	5	
1	Saya berminat mempelajari ilmu Balaghah dan berpendapat tidak lengkap belajar bahasa Arab tanpa menguasainya.	-	3.5%	13.5%	53.0%	30.0%	4.10
2	Saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu Balaghah.	0.5%	-	6.0%	52.0%	41.5%	4.34
3	Saya tahu terdapat unsur-unsur ilmu Balaghah dalam bahasa Arab.	0.5%	2.0%	17.5%	45.0%	33.0%	4.11
4	Saya dapat rasakan atau bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu Balaghah.	3.0%	10.0%	44.5%	41.5%	1.0%	3.36
5	Saya sentiasa bersedia dan berminat untuk mempelajari Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi.	1.5%	5.0%	29.0%	47.5%	17.0%	3.74
Min Keseluruhan							3.93

Analisis aspek pertama soal selidik ini bertujuan mengenal pasti pengetahuan dan minat responden terhadap ilmu Balaghah Arab. Item 1 menunjukkan catatan min

sebanyak 4.10 iaitu pada aras setuju. Responden bersetuju bahawa mereka berminat mempelajari ilmu Balaghah Arab dan mereka juga berpendapat, tidak lengkap belajar bahasa Arab tanpa menguasai ilmu Balaghah. Min bagi item 2 pula ialah 4.34 yang menunjukkan kebanyakan responden mengakui bahawa ilmu Balaghah Arab adalah sebahagian daripada pengajian kesusteraan Arab dan kebanyakan mereka mengakui dapat merasakan keindahan sastera Arab sekitar proses pembelajaran Balaghah yang diperolehi.

Dapatan pada item 3 pula mencatatkan min sebanyak 3.22. Ini menunjukkan responden kurang pasti, begitu juga pada item keempat hanya 3.36, masih di aras kurang pasti. Walau bagaimanapun, pada item yang kelima, responden berada pada aras setuju iaitu min sebanyak 3.74. Purata keseluruhan min bagi aspek yang pertama ialah 3.76, menandakan aras yang cukup tinggi bagi menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar mempunyai respon yang positif bagi item-item dalam aspek yang pertama. Secara kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa pelajar sudah cukup bersedia dan mempunyai kefahaman asas yang baik bagi mendalami ilmu Balaghah Arab.

#### 4.4.2 (b) Taburan Peratusan dan Min Bagi Aspek Kedua

**Jadual 4.32: Taburan Kesukaran Yang Dihadapi Pelajar Serta Penguasaan Mereka Dalam Pembelajaran Balaghah Peringkat Tinggi**

Item	Perkara	Skala (%)					Min
		1	2	3	4	5	
6	Saya pasti masa diperuntukkan untuk belajar Balaghah mencukupi.	1.5%	16.0%	27.0%	46.0%	9.5%	3.46
7	Saya rasa lebih seronok semasa berada dalam proses pembelajaran Balaghah dalam kelas.	0.5%	3.0%	13.5%	56.0%	31.0%	4.06
8	Saya lihat nota pelajaran yang digunakan sekarang sesuai dan mudah difahami.	2.5%	4.0%	13.0%	62.5%	18.0%	3.90
9	Saya lebih suka contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan hadis semasa mempelajari Balaghah.	-	3.0%	11.0%	55.0%	31.0%	4.14
10	Saya lebih suka contoh-contoh dalam bentuk ayat biasa berbanding selainnya.	1.0%	13.0%	24.0%	52.0%	10.0%	3.57
11	Saya dapat memahami setiap kaedah Balaghah dan tidak susah memahaminya.	1.5%	10.0%	52.0%	33.5%	3.0%	3.27
12	Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan pensyarah.	-	0.5%	13.5%	62.5%	23.5%	4.09
13	Saya dapat pensyarah lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar Balaghah daripada bahasa Melayu.	2.5%	34.0%	24.0%	38.0%	1.5%	3.02
14	Saya dapat pensyarah mengajar Balaghah menggunakan alat bantu selain daripada buku teks.	0.5%	22.5%	26.5%	44.0%	6.5%	3.34
15	Saya dapat tentukan unsur Balaghah dalam al-Quran dan hadis setakat yang saya pelajari.	4.0%	29.5%	43.0%	21.0%	2.5%	2.89
Min Keseluruhan							3.57

Item-item dalam aspek kedua soal selidik ini menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan penguasaan serta permasalahan yang dihadapi responden dalam pembelajaran ilmu Balaghah peringkat tinggi.

Aspek kedua yang mengemukakan 10 item ini mencatatkan min keseluruhan sebanyak 3.57. Catatan min ini menunjukkan responden berada pada tahap setuju yang

lebih rendah berbanding aspek pertama sebelum ini. Ini menunjukkan responden mampu menguasai ilmu Balaghah tapi tidak pada tahap yang memberangsangkan.

Ini jelas boleh diperhatikan pada item kelima belas, min keseluruhan yang dicatatkan adalah yang paling rendah iaitu hanya 2.89, ini menunjukkan pelajar masih tidak yakin dan tidak dapat mengaplikasikan ilmu Balaghah yang dipelajari, khususnya dalam memahami al-Quran dan hadis, yang mana kedua aspek ini adalah sangat penting.

Walau bagaimanapun, mereka lebih suka contoh-contoh yang diambil daripada al-Quran dan hadis, ini jelas ditunjukkan dalam item kesembilan yang memperoleh min yang agak tinggi iaitu 4.14.

Majoriti pelajar juga dapat menerima cara pengajaran pensyarah masing-masing. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.09. Walau bagaimanapun, apabila diajukan soalan tentang penggunaan bahasa Arab di kalangan pensyarah, mereka berada pada aras tidak pasti. Ini ditunjukkan dengan jelas pada item 13, yang mana min bagi item ini ialah 3.02. Begitu juga dengan penggunaan alat bantu selain nota pengajaran, min yang dicatatkan ialah 3.34 iaitu berada pada aras tidak pasti.

Pelajar juga hampir keseluruhannya didapati merasa seronok sepanjang pembelajaran Balaghah, ini ditunjukkan oleh min yang agak tinggi iaitu 4.06 pada item yang kedua. Mereka juga berpuas hati dan dapat menerima nota pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah, ini boleh diperhatikan pada item kelapan yang menunjukkan min pada aras setuju iaitu 3.90.

Namun begitu apabila ditanya tentang kefahaman mereka terhadap ilmu Balaghah, purata pelajar berada pada aras tidak pasti dengan catatan min sebanyak 3.27, iaitu pada item yang kesebelas.

#### **4.4.3 (c) Taburan Peratusan dan Min Bagi Aspek Ketiga**

**Jadual 4.33: Taburan Keberkesanan Pembelajaran Balaghah Serta Penerimaan Responden Terhadap Bentuk Penilaian Dalam Balaghah di Peringkat Tinggi.**

Item	Perkara	Skala					Min
		1	2	3	4	5	
16	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur Balaghah.	1.0	6.0	25	42	25	3.85
17	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Bayan seperti al-Tasybih dan lain-lain, setakat yang saya pelajari dalam kelas.	0.5	3.5	38	42	16	3.70
18	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Ma'ani seperti ayat Insya', Khabar dan lain-lain, setakat yang saya pelajari dalam kelas.	4.0	5.0	35	42	14	3.62
19	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Badi' seperti al-Jinas, al-Tibaq dan lain-lain, setakat yang saya pelajari dalam kelas.	1	5	34.5	48	11.5	3.61
20	Saya tahu banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah.	-	2.0	17.5	47	33.5	4.13
21	Pengajaran dan pembelajaran Balaghah membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab.	1.0	8.0	29	43	19	3.74
22	Saya telah biasa dengan bentuk-bentuk soalan Balaghah yang dikemukakan dalam peperiksaan.	1.5%	17%	43%	38%	0.5%	3.19
23	Saya lebih suka soalan yang memerlukan hafazan daripada kefahaman.	11.5%	29%	27%	27%	5.5%	2.86

24	Saya rasa soalan yang menggunakan contoh daripada al-Quran dan hadis lebih senang berbanding syair Arab.	-	3.5%	7.5%	42.5%	46.5%	4.32
25	Saya rasa soalan-soalan yang dikemukakan dapat menguji penguasaan saya dalam memahami gaya bahasa Arab.	5.5%	32%	46%	15%	1.5%	2.75
Min Keseluruhan							3.58

Aspek ketiga soal selidik bertujuan mengenal pasti keberkesanan pembelajaran Balaghah serta penerimaan responden terhadap bentuk penilaian yang dilaksanakan dalam pembelajaran Balaghah di peringkat universiti. Adakah ia berkesan dalam mempertingkatkan penguasaan pelajar diperingkat universiti, serta apakah pandangan responden terhadap bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan kepada mereka.

Item yang keenam belas, pelajar ditanya tentang adakah mereka biasa dengan bentuk-bentuk soalan dalam peperiksaan, iaitu adakah soalan tersebut sudah diulangkaji ataupun sering diulang daripada peperiksaan yang telah lepas, bagi item tersebut min yang diperoleh ialah 3.19, iaitu pada tahap yang kurang pasti.

Seterusnya, item ketujuh belas pula berkenaan soalan yang lebih disukai pelajar samada hafazan atau kefahaman. Majoriti pelajar memberi respon lebih suka kepada soalan berbentuk kefahaman dari hafazan. Min yang dicatatkan ialah 2.89, min bagi item kelapan belas pula ialah 4.32, menunjukkan responden lebih menyukai soalan yang menggunakan contoh daripada al-Quran dan hadis berbanding syair Arab. Akhir sekali, bagi item kesembilan belas, min keseluruhan ialah 2.75, menjelaskan bahawa keseluruhan pelajar setuju dengan soalan peperiksaan yang dikemukakan dapat menguji kefahaman mereka terhadap ilmu Balaghah.

Manakala min keseluruhan bagi aspek ketiga ini ialah 3.58, menunjukkan pelajar dapat menguasai bentuk-bentuk soalan peperiksaan dengan baik, mereka juga lebih menyukai soalan berbentuk kefahaman berbanding hafazan, serta lebih gemar contoh-contoh daripada al-Quran dan hadis berbanding syair-syair Arab.

## **4.5 Rumusan Analisis Soal Selidik**

### **4.5.1 Rumusan Bahagian A**

Soal selidik bahagian A hanya berkisarkan latar belakang pelajar. Antara aspek-aspek yang diselidik oleh penulis ialah jantina, pendidikan sekolah menengah, jabatan, keputusan Balaghah bagi semester lepas iaitu bagi kursus Balaghah 1, dan akhir sekali minat pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian soal selidik berkenaan demografi pelajar adalah penting bagi memberikan gambaran awal tentang kaitan antara latar belakang pelajar dengan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Contohnya dalam aspek jantina, telah banyak kajian yang dibuat bagi mengkaji aspek ini terhadap pembelajaran bahasa khususnya, antara kajian-kajian tersebut ialah yang dijalankan oleh Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. Mereka mendapati tidak terdapat perbezaan sikap dan motivasi yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar lelaki dengan perempuan Dusun.

Walau bagaimanapun, min sikap dan motivasi pelajar lelaki lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Manakala Atan Long dalam kajian menyatakan hasil penyelidikannya bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai kelebihan dalam

menguasai bahasa berbanding kanak-kanak lelaki. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan pelajar perempuan lebih positif dan berminat mempelajari bahasa Arab. Walau bagaimanapun, mereka agak ketinggalan dalam kemahiran bertutur berbanding pelajar lelaki (Kung Shio Tan, Nor Syahida Ahmad, Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2009: 9-10).

Jumlah pelajar perempuan adalah dua kali ganda lebih banyak daripada pelajar lelaki, iaitu sebanyak 68%, manakala pelajar lelaki pula hanya 32%. Jumlah ini menunjukkan dominasi pelajar perempuan di institusi-institusi pengajian tinggi.

Dapatan soal selidik juga mendapati hampir keseluruhan pelajar adalah dari sekolah menengah agama, iaitu sebanyak 96%, berbanding 4% lagi dari sekolah aliran biasa, ini menunjukkan kesemua pelajar telah mempunyai latar belakang pendidikan agama sebelum menyambung dalam bidang pengajian Islam di peringkat IPTA, kecuali 4% sahaja yang bukan dari aliran agama.

Pelajar-pelajar juga dibahagikan mengikut jabatan masing-masing. Pelajar paling ramai adalah daripada Jabatan Syariah iaitu sebanyak 35.5%. Ini menunjukkan jabatan ini adalah yang paling popular dan menjadi pilihan pelajar, diikuti pelajar Usuluddin sebanyak 21%, seterusnya Al-Quran dan Sunnah 17.5%. Dakwah pula sebanyak 13.5% dan akhir sekali, yang paling sedikit ialah Jabatan bahasa Arab 12.5%.

Tinjauan seterusnya ialah berkenaan keputusan peperiksaan bagi Kursus Balaghah 1 yang diambil ketika semester kelima, yang mana keputusannya agak membimbangkan iaitu pelajar paling ramai mendapat gred C iaitu 42.5%, diikuti B pula

42%, manakala yang mendapat keputusan cemerlang atau gred A hanya 9%. Walau bagaimanapun, jumlah pelajar lemah juga tidak ramai iaitu hanya 6.5% mendapat D.

Aspek yang paling akhir ialah tentang minat pelajar terhadap bahasa Arab. Hampir keseluruhan pelajar berminat dengan bahasa Arab, iaitu sebanyak 29.5% menyatakan sangat minat, manakala 56% lagi menyatakan minat, walau bagaimana pun ada juga pelajar yang kurang minat iaitu seramai 12.5% dan tidak minat sebanyak 2%. Keadaan ini cukup menyedihkan kerana walaupun mengambil pengajian Islam tetapi ada juga pelajar yang menyatakan rasa tidak minat mereka terhadap bahasa Arab, sedangkan kedua-dua aspek ini tidak boleh dileraikan, kerana bahasa Arab itu sendiri adalah kunci bagi mendalami pengajian Islam.

#### **4.5.2 Rumusan Bahagian B**

Sebagai kesimpulannya, penulis telah membahagikan soal selidik bahagian B kepada tiga aspek yang bertujuan mengenal pasti perkara-perkara utama yang ingin dikaji. Dapatkan min keseluruhan bagi ketiga-tiga aspek ini amat penting bagi mencapai rumusan terhadap setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan. Justeru, dapatkan min ketiga-tiga aspek yang dikaji dalam satu jadual diperlukan bagi membuat kesimpulan dengan mudah dan jelas. Dapatkan min keseluruhan bagi setiap aspek tersebut dipaparkan dalam jadual 4.28 berikut:

**Jadual 4.34: Min keseluruhan bagi setiap aspek 1, 2 dan 3**

<b>Aspek</b>	<b>Fokus Item-Item Soal selidik</b>	<b>Min</b>
1	Aspek Pengetahuan dan Minat Responden Dalam Ilmu Balaghah Arab	3.93
2	Kesukaran Yang Dihadapi Responden Dalam Pembelajaran Balaghah Peringkat Tinggi.	3.57
3	Keberkesanan Pembelajaran Balaghah di Peringkat Tinggi.	3.58
Min Keseluruhan		3.53

Jadual 4.34 yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan min yang tertinggi dicatatkan ialah pada bahagian 1 iaitu dengan jumlah 3.93. Keadaan ini menjelaskan bahawa pandangan pelajar terhadap kursus Balaghah di peringkat IPT adalah positif. Selain itu dapat juga dibuat kesimpulan bahawa pemerhatian awal bagi para responden terhadap ilmu ini tidak bermasalah. Oleh itu, kesimpulan yang dapat dibuat bagi objektif pertama ini ialah pengetahuan dan minat pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah adalah positif di mana mereka berminat, mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan ingin mendalami ilmu ini. Catatan min bagi bahagian kedua pula lebih rendah berbanding pada bahagian 1 iaitu 3.57. Walau bagaimanapun, ianya masih pada aras yang tinggi iaitu setuju.

Sebagai kesimpulannya, ia memberi gambaran bahawa tahap penguasaan terhadap kaedah pengajaran Balaghah di dalam kelas adalah pada tahap yang memuaskan. Maka jawapan kepada persoalan kajian yang kedua ialah secara keseluruhannya pelajar tidak mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah ini. Keadaan ini juga menunjukkan responden bersetuju dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai dalam pembelajaran Balaghah. Maka jawapan bagi persoalan kajian yang kedua ialah pelajar tidak mengalami banyak kesukaran sepanjang pembelajaran mereka dalam ilmu Balaghah, ia juga telah memberikan kesan yang positif kepada para pelajar.

Manakala bagi bahagian ketiga pula, min yang dicatatkan ialah lebih kurang sama dengan aspek kedua iaitu 3.58, ini menunjukkan mereka dapat mengikuti pembelajaran Balaghah di peringkat IPT serta dapat menerima soalan peperiksaan yang dikemukakan.

Kesimpulannya, ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik yang telah dibina telah mendapat respon yang positif dalam kalangan responden yang menghasilkan natijah yang baik dalam menjawab persoalan kajian. Min ketiga-tiga bahagian tersebut berada di paras setuju. Justeru, penguasaan para pelajar di peringkat IPT terhadap pengajian ilmu Balaghah boleh dikatakan berada pada tahap yang memuaskan.

#### **4.6    Analisis Ujian Pencapaian Balaghah (UPB)**

Penulis juga melakukan proses penganalisaan terhadap kertas jawapan ujian yang diedarkan kepada responden untuk menjawabnya. Segala maklum balas jawapan dinilai mengikut skema yang disediakan. Proses pemarkahan dan penggredan dilakukan berdasarkan kepada sistem universiti selaras dengan peperiksaan sebenar bagi setiap subjek yang diambil oleh pelajar. Seramai 200 orang pelajar mengambil bahagian dalam UPB, iaitu mewakili keseluruhan responden. Proses UPB ini berjalan dengan lancar dan sempurna hasil kerjasama daripada semua responden. Bahagian A mengandungi item soalan mengenai Balaghah. Sebanyak 20 soalan dikemukakan dengan setiap satu soalan yang dijawab betul akan diberikan markah sebanyak 5%. Bahagian A mengandungi item soalan mengenai pengetahuan tentang Balaghah secara umum, soalan berorientasikan objektif, manakala bahagian B juga berbentuk objektif, soalan berkisarkan Balaghah yang berkaitan dengan sukanan pelajaran, dan akhir sekali bahagian C sebanyak 5 soalan subjektif yang memerlukan pelajar membina struktur ayat. Jadual berikut menunjukkan senarai keputusan UPB bagi keseluruhan responden.

**Jadual 4.35 Senarai Keputusan UPB Bagi Keseluruhan Responden**

Bil responden	Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Jumlah	Gred
	40%	40%	20%	100%	
1	35	35	20	90	A
2	35	35	20	90	A
3	40	35	10	85	A
4	30	25	20	75	A-
5	35	30	15	80	A
6	30	30	15	75	A-
7	30	30	10	70	B+
8	20	35	20	75	A-
9	30	35	10	75	A-
10	30	30	15	75	A-
11	25	30	15	70	B+
12	35	35	5	75	A-
13	30	35	10	75	A-
14	35	30	10	75	A-
15	25	35	20	80	A
16	35	30	15	80	A
17	25	35	10	70	B+
18	30	35	10	75	A-
19	35	20	20	75	A-
20	35	35	15	85	A
21	35	35	20	90	A
22	20	25	20	65	B
23	15	30	15	60	B-
24	30	25	15	70	B+
25	30	25	10	65	B
26	25	20	15	60	B-
27	25	25	10	60	B-
28	25	20	10	55	C+
29	25	20	10	55	C+
30	20	25	15	60	B-
31	35	35	10	80	A
32	35	35	20	90	A
33	35	35	20	90	A
34	20	35	20	75	A-
35	25	25	15	70	B+
36	35	35	15	85	A
37	25	10	10	45	C-

Bil responden	Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Jumlah	GRED
	40%	40%	20%	100%	
38	30	20	0	50	C
39	20	25	5	50	C
40	25	15	5	45	C-
41	20	25	5	50	C
42	20	25	15	60	B-
43	25	25	5	55	C+
44	25	35	5	65	B
45	25	15	15	55	C+
46	25	20	15	60	B-
47	20	25	10	55	C+
48	30	25	5	60	B-
49	25	25	5	55	C+
50	20	30	10	60	B-
51	25	15	15	55	C+
52	40	30	10	80	A
53	40	25	15	80	A
54	30	25	15	70	B+
55	35	30	5	70	B+
56	30	35	10	75	A-
57	30	25	15	70	B+
58	30	30	20	80	A
59	25	35	10	70	B+
60	35	25	10	70	B+
61	35	40	15	90	A
62	40	35	15	90	A
63	40	35	10	70	B+
64	20	35	15	75	A-
65	30	30	5	65	B
66	30	35	15	80	A
67	40	35	15	90	A
68	25	40	15	85	A
69	35	30	15	85	A
70	30	40	15	85	A
71	35	35	20	90	A
72	25	25	10	60	B-
73	35	25	5	65	B
74	25	30	7.5	60	B-
75	30	30	0	60	B-
76	15	30	7.5	60	B-
77	20	35	15	70	B+
78	25	25	15	65	B
79	35	25	10	70	B+
80	30	30	10	70	B+

Bil responden	Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Jumlah	Gred
	40%	40%	20%	100%	
81	30	30	20	80	A
82	25	35	20	80	A
83	30	35	15	80	A
84	30	30	20	80	A
85	20	10	5	35	D
86	20	20	5	45	C-
87	30	25	5	60	B-
88	30	25	5	60	B-
89	20	30	10	60	B-
90	20	25	15	60	B-
91	20	30	10	60	B-
92	25	25	5	55	C+
93	10	20	15	30	F
94	15	15	0	30	F
95	15	15	5	35	D
96	20	25	0	45	C-
97	15	25	10	50	C
98	15	30	20	65	B
99	25	30	10	65	B
100	25	25	15	65	B
101	35	30	15	80	A
102	30	35	10	75	A-
103	10	25	5	40	D+
104	15	20	20	55	C+
105	25	30	10	65	B
106	30	25	10	65	B
107	25	15	15	55	C+
108	30	40	15	85	A
109	20	25	15	60	B-
110	30	30	5	65	B
111	25	25	15	65	B
112	35	20	10	65	B
113	15	30	15	60	B-
114	25	30	10	65	B
115	25	30	10	65	B
116	30	20	5	55	C+
117	30	25	2.5	60	B-
118	30	25	5	60	B-
119	25	30	5	60	B-
120	30	25	15	60	B-
121	30	30	10	70	B+
122	25	35	10	70	B+
123	25	30	15	70	B+

Bil responden	Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Jumlah	Gred
	40%	40%	20%	100%	
124	35	30	15	80	A
125	25	30	15	70	B+
126	30	25	20	75	A-
127	30	25	20	75	A-
128	30	35	10	75	A-
129	30	25	20	75	A-
130	35	35	15	85	A
131	35	40	15	90	A
132	30	35	20	85	A
133	10	15	15	40	D+
134	15	25	0	40	D+
135	25	25	0	50	C
136	20	10	15	45	C-
137	20	20	10	50	C
138	20	30	0	50	C
139	20	20	10	50	C
140	30	25	15	70	B+
141	25	25	15	65	B
142	25	30	20	75	A-
143	25	35	20	80	A
144	25	30	20	75	A-
145	25	35	20	80	A
146	20	35	20	75	A-
147	30	30	15	75	A-
148	25	25	15	65	B
149	25	20	15	60	B-
150	20	30	15	65	B
151	30	25	10	65	B
152	25	25	15	65	B
153	30	20	10	60	B-
154	20	35	5	60	B-
155	25	30	10	65	B
156	25	25	10	60	B-
157	20	15	20	55	C+
158	15	30	20	65	B
159	25	35	5	65	B
160	30	40	20	90	A
161	30	35	20	85	A
162	30	35	20	85	A
163	30	35	15	80	A
164	30	25	20	75	A-
165	30	25	20	75	A-
166	30	30	15	75	A-

Bil responden	Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Jumlah	Gred
	40%	40%	20%	100%	
167	25	30	15	70	B+
168	35	25	20	80	A
169	25	30	20	75	A-
170	30	35	15	80	A
171	25	30	15	70	B+
172	30	30	15	75	A-
173	35	20	10	65	B
174	10	25	10	35	D
175	30	40	20	90	A
176	35	35	20	90	A
177	30	40	15	85	A
178	25	35	10	70	B+
179	35	30	5	70	B+
180	25	40	15	80	A
181	30	35	20	75	A-
182	25	40	15	80	A
183	30	35	20	85	A
184	30	35	20	85	A
185	25	35	15	75	A-
186	25	30	10	65	B
187	30	25	15	70	B+
188	35	25	15	75	A-
189	20	30	10	60	B-
190	25	35	5	65	B
191	25	30	15	70	B+
192	15	35	20	70	B+
193	20	20	15	55	C+
194	10	15	15	40	D+
195	15	20	10	45	C-
196	35	25	15	75	A-
197	25	35	15	75	A-
198	30	30	20	80	A
199	30	35	15	80	A
200	25	30	15	70	B+

Berdasarkan kepada jadual 4.35, dapatan keseluruhan gred setiap responden menunjukkan bahawa majoriti responden mendapat kelulusan pada tahap amat baik dalam UPB. Bagi mendapatkan dapatan kekerapan dan peratusan mengikut gred pencapaian responden secara purata, penulis melakukan analisis keseluruhan penggredan tersebut. Analisis kekerapan dan peratusan gred keseluruhan responden secara lebih terperinci dapat diperhatikan melalui jadual 4.36 berikut:

**Jadual 4.36: Analisis Kekerapan dan Peratusan Gred Responden**

Markah	Gred	Kekerapan		Peratusan (%)
		Mengikut Gred	Mengikut Pangkat	
85-100	A	50	82 Cemerlang	41%
75-84	A-	32		
65-74	B+	26	53 Amat Baik	26.5%
60-64	B	27		
55-59	B-	28	37 Baik	18.5%
50-54	C+	9		
45-49	C	6	10 Lulus	5%
40-44	C-	4		
00-39	D	5	5 Gagal	2.5%
Jumlah		200		100.0

Jadual 4.26 menunjukkan bahawa sebanyak 82 orang atau 41% daripada jumlah keseluruhan responden mendapat kedudukan cemerlang iaitu merupakan jumlah tertinggi, diikuti dengan keputusan amat baik sebanyak 53 orang atau 26.5%, 37 orang atau 18.5% mendapat kedudukan baik, seterusnya hanya 10 orang atau 5% yang lulus dan akhir sekali seramai 5 orang responden gagal dalam ujian iaitu 2.5% daripada peratusan keseluruhan. Pencapaian ini boleh dikatakan agak tinggi, menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dapat menguasai ilmu Balaghah dengan baik.

#### 4.6.1 Dapatan UPB Mengikut Bahagian Soalan

Kajian ini juga menganalisis UPB yang dikemukakan kepada responden berdasarkan bahagian-bahagian soalan iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mewakili 40% ialah soalan berbentuk aneka pilihan, mewakili soalan berkenaan dengan ilmu Balaghah sebagai ilmu gaya bahasa, pembahagian Balaghah kepada *Ma’ÉnÊ*, *BayÉn* serta *BadÊ*’ dan tujuan mempelajari ilmu Balaghah. Aras kemahiran bagi soalan-soalan ini kebanyakannya memerlukan kepada pengetahuan semata-mata, dengan kata lain tahap kesukaran soalan-soalan di bahagian A agak mudah dan dapat dijawab oleh pelajar sekiranya mereka dapat mengingati dan sedia maklum dengan jawapan-jawapan

tersebut. Manakala bahagian B pula juga mewakili 40% daripada markah keseluruhan merupakan soalan yang berkisarkan tentang khabar dan insyā' iaitu definisi, pembahagian, contoh-contoh dan sebagainya yang berkaitan dengan bab khabar dan insyā'. Bentuk soalan bagi bahagian B juga ialah aneka pilihan. Aras kemahiran bagi bahagian ini lebih bercirikan kefahaman dan analisis, ini menjadikan tahap kesusahannya lebih tinggi berbanding bahagian A. Akhir sekali untuk bahagian C, ia mewakili 20% sahaja daripada markah keseluruhan. Ianya merupakan soalan berbentuk subjektif. Soalan di bahagian C memerlukan kepada kemahiran membentuk struktur ayat. Aras kemahiran bagi bahagian ini ialah aplikasi, jadi secara keseluruhannya bahagian ini mungkin berada pada tahap paling sukar kepada pelajar untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, kita akan dapat menganalisis tahap penguasaan pelajar-pelajar mengikut pembahagian soalan-soalan UPB ini melalui jadual yang dibentangkan dibawah ini:

**Jadual 4.37: Analisis Jawapan Betul dan Salah Mengikut Bahagian Soalan serta Aras Kemahiran Soalan.**

Bahagian Soalan	Bentuk Soalan	Aras Kemahiran	Jawapan Betul		Jawapan Salah	
			(K)	(%)	(K)	(%)
A	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengenalan ilmu Balaghah</li> <li>Pembahagian Ilmu Balaghah</li> <li>Matlamat mempelajari ilmu Balaghah.</li> </ul>	Pengetahuan	1078	67%	522	33%
B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jenis gaya <i>khabar</i> dan <i>insya'</i></li> <li>Nyatakan contoh</li> <li>Tentukan gaya-gaya bahasa</li> <li>Terangkan makna</li> </ul>	Analisis, kefahaman	1148	72%	452	28%
C	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina struktur ayat</li> </ul>	Aplikasi	511	64%	289	36%

- Soalan penuh boleh dilihat dalam Lampiran C.

Berdasarkan jadual diatas, dapat dibuat perbandingan dapatan markah keseluruhan pada setiap bahagian soalan dalam jadual tersebut. Bahagian B mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 72%. Bahagian ini mengandungi item-

item ujian aneka pilihan mengenai tajuk-tajuk pilihan seperti mana yang dipelajari dalam sukanan pelajaran. Item ini menguji responden mengenai kefahaman mereka terhadap kaedah Balaghah dan contoh-contoh berkaitan tajuk tertentu. Walaupun item soalan dan jawapan aneka pilihan yang dikemukakan tersebut dalam bahasa Arab, tetapi responden mampu untuk memahami dan menjawabnya dengan tepat seperti mana yang dikehendaki oleh soalan.

Bahagian A pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi dengan catatan sebanyak 67%. Bahagian ini mengandungi item soalan bahasa Melayu yang menguji pengetahuan responden mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu Balaghah secara umum tanpa menyentuh tajuk-tajuk tertentu yang dipelajari dalam sukanan pelajaran. Manakala bahagian C menunjukkan peratusan pencapaian yang paling rendah berbanding dua bahagian sebelumnya iaitu sebanyak 64%.

Item soalan bahagian C menguji penguasaan responden membentuk struktur ayat Arab yang mempunyai unsur-unsur Balaghah berkaitan tajuk-tajuk tertentu yang telah dipelajari. Ternyata kebanyakan responden didapati masih kurang mampu untuk membentuk struktur ayat tersebut walaupun secara ringkas. Kebanyakan responden mengemukakan jawapan berdasarkan contoh yang mereka hafaz daripada nota pelajaran dan tidak kurang juga yang langsung tidak menjawab soalan yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya, jadual 4.27 memperlihatkan kemampuan keseluruhan responden menjawab dengan betul, walaupun bukan pada kategori cemerlang. Keseluruhan dapatan markah jawapan betul yang dapat dicapai oleh semua responden dalam ketiga-tiga bahagian A, B dan C merangkumi sebanyak 68%. Sementara bakinya adalah jawapan yang salah dengan peratusan sebanyak 32%. Kajian mendapati jawapan

salah ini banyak disumbangkan daripada item soalan bahagian C yang menguji responden dari aspek pembinaan struktur ayat. Kesalahan yang dilakukan memperlihatkan kelemahan responden membentuk ayat dalam bahasa Arab. Contoh-contoh kesalahan dapat diperhatikan melalui 4.2.3.

#### **4.6.2 Contoh Bentuk kesalahan Jawapan responden**

Contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden boleh diperhatikan pada soalan-soalan berikut:

##### **Soalan ke 19:**

أكتب الجملة تدل على غرض الخبر لازم الفائدة.

Terjemahan soalan: Tuliskan satu struktur ayat khabar yang bertujuan memberitahu cerita yang sudah diketahui oleh pendengar.

Antara jawapan (lihat Lampiran F) yang ditulis oleh responden ialah:

مثال ١ : أَنْتَ حَضَرْ فَصِيلْ أَمْسِ

مثال ٢ : رجعت أحمد من قدح أمس

##### **Soalan ke 20:**

أكتب جملة خبرية يلقى إلى المخاطب المتعدد.

Terjemahan soalan: Tuliskan satu struktur ayat khabar yang ditujukan kepada pendengar yang ragu-ragu.

Antara jawapan yang ditulis oleh responden ialah:

مثال ١ : وما ابرئ نفسِ إِنَّ النَّفْسَ لِأَمَارَةٍ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبُّ

مثال ٢ : فَأَتُو بِسُورَةٍ مِّنْ مُّثْلِهِ

### **Ulasan soalan ke 19:**

Contoh 1: Responden tidak dapat mengenal pasti antara ayat *khabar* dan *insyā’*. Sebagaimana dalam contoh dapat diperhatikan jawapan yang diberi berbentuk gaya bahasa pertanyaan, yang merupakan termasuk dalam ayat *insyā’*, sedangkan soalan meminta ayat *khabar*. Responden telah melakukan kesilapan yang agak jelas dan merupakan perkara asas dalam Balaghah.

Contoh 2: Kesilapan dalam struktur ayat ini ialah dalam aspek nahu iaitu keselarasan antara *fi‘il* (perbuatan) dan *fa‘il* (pembuat), ia juga berkaitan dengan penggunaan *dhamir*. Pengkaji menjangkakan responden memahami soalan tetapi tidak dapat mengaplikasikan bidang nahu Arab dalam jawapan. Sebagaimana yang dapat diperhatikan, pembuat ataupun *fā‘il* dalam ayat yang diberikan ialah *dhamīr tā’* yang merujuk kepada ganti nama ke dua, namun kesilapan berlaku apabila responden ini meletakkan kata nama Ahmad selepas perbuatan tadi, ini adalah satu kesilapan nahu yang agak jelas.

### **Ulasan soalan ke 20:**

Contoh 1: Sebagaimana yang diketahui bentuk khabar yang ditujukan kepada pendengar yang ragu-ragu ialah memerlukan kepada satu partikel penguat. Namun di dalam contoh jawapan yang diberikan terdapat lebih dari satu partikel penguat iaitu partikel ﴿إِن﴾ dan ﴿لَا﴾

الْتَّوْكِيدِ, ini menunjukkan responden tidak dapat mengenali partikel-partikel taukid atau mungkin tidak memahami kaedah secara asas.

Contoh 2: Manakala contoh yang kedua juga menunjukkan antara kesilapan yang paling asas iaitu kegagalan responden membezakan antara jumlah *insyâ'iyyah* ataupun jumlah khabariyyah. Sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam jawapan responden, ini termasuk dalam ayat perintah, iaitu merupakan ayat *insyâ'*, bukanlah ayat khabar sebagaimana yang diminta oleh soalan.

#### **4.6.3 Rumusan Analisis UPB**

Dapatan keputusan ujian menunjukkan secara keseluruhannya pelajar dapat menjawab dengan baik dan telah biasa dengan bentuk soalan sebegini. Ini menunjukkan tahap UPB yang dikemukakan kepada pelajar bukan ditahap yang sukar jika dibandingkan dengan tahap mereka, selain ianya juga dapat difahami oleh responden kajian. Ia seterusnya merumuskan bahawa ia sesuai dijadikan bentuk penilaian untuk pelajar-pelajar ini kerana sesuai dengan kemampuan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian dan segelintir pelajar yang tidak dapat menjawab soalan dengan baik, samada mereka tidak dapat menguasai subjek ini ataupun merasakan tahap soalan agak sukar.

Berdasarkan kepada dapatan UPB juga, penulis mendapati kebanyakan responden hanya dapat memahami ilmu Balaghah Arab dari aspek asas sahaja seperti fungsi, matlamat dan bahagian-bahagiannya. Mereka juga dapat menjawab dengan baik bagi soalan yang berbentuk pengetahuan. Apabila diuji dengan soalan membentuk struktur ayat kebanyakan responden tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Mereka seolah-olah buntu untuk membuat ayat dan ini memberikan gambaran bahawa pelajar agak lemah dalam soalan berbentuk aplikasi.

Kemungkinan perkara ini berkaitan dengan kelemahan responden dari sudut tatabahasa, usl̄Eb dan juga kekurangan kosa kata. Mereka jelas tidak dapat mengaplikasi apa yang dipelajari dalam *nahu*, *îarf*, *muîÉla‘ah*, *insyÉ*’ dan lain-lain lagi. Ini dapat dibuktikan melalui struktur ayat yang dibina oleh pelajar yang memperlihatkan kelemahan-kelemahan dalam pelbagai aspek. Sebahagian mereka pula ada juga yang langsung tidak mencuba untuk membina ayat seperti yang diminta oleh soalan. Keadaan ini cukup membimbangkan bagi tahap pelajar universiti yang berada dalam ruang lingkup pengajian Islam amnya dan bahasa Arab khususnya.

Penulis juga mendapati banyak kesalahan yang agak jelas dan sepatutnya tidak berlaku seperti kesalahan ejaan, *nahu*, penggunaan usl̄Eb atau gaya bahasa yang agak lemah. Sekiranya ini berterusan, mereka pasti akan mengalami kesukaran dalam menguasai Balaghah yang merupakan ilmu yang berada pada tahap yang agak tinggi bagi komponen bahasa Arab itu sendiri.

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Kajian yang dilakukan adalah untuk mengkaji tahap penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPT disamping mendapatkan respons daripada pelajar-pelajar yang terlibat tentang permasalahan yang dihadapi, serta persepsi dan respon mereka terhadap ilmu Balaghah Arab. Selain daripada itu, antara tujuan kajian ini juga adalah untuk menilai keberkesanan pembelajaran di peringkat IPT terhadap pelajar-pelajar. Ini merangkumi sukanan, kaedah pengajaran dan bentuk penilaian, adakah ianya wajar dan bersesuaian dengan tahap mereka di peringkat universiti.

Pada bab yang terakhir ini, penulis akan membuat perbincangan dan rumusan berkaitan dengan dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Penulis akan membincangkan dapatan kajian kes ini berasaskan kepada persoalan kajian dan sorotan yang telah dibincangkan dalam bab satu dan dua. Justeru, bab ini lebih memfokuskan kepada perbincangan dapatan kajian dan rumusan secara keseluruhan tajuk kajian mengenai penguasaan pelajar IPT terhadap ilmu Balaghah Arab.

Sejajar dengan perkara tersebut, penulis juga akan mengemukakan beberapa bentuk cadangan yang dirasakan sesuai dan perlu dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Di samping itu, penulis akan menyertakan bersama cadangan-cadangan lanjutan kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan kajian berikutnya berteraskan kepada tajuk kajian ini.

## **5.1 Perbincangan Dapatan Kajian**

Pada bahagian ini penulis akan membahagikan perbincangan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Seperti yang kita sedia maklum, bahagian A merupakan perbincangan berkenaan latar belakang responden yang terlibat, manakala bahagian B pula akan membincangkan perkara-perkara berkaitan item-item soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian lepas bagi menjawab segala persoalan kajian yang telah dinyatakan terdahulu di dalam bab I.

### **5.1.1 Dapatan Soal Selidik**

Perbincangan ini akan ditumpukan kepada aspek maklumat demografi pelajar, aspek deskriptif pengetahuan serta minat pelajar terhadap ilmu Balaghah Arab, permasalahan dalam proses pembelajaran Balaghah dan keberkesanan pembelajaran Balaghah terhadap pelajar.

#### **5.1.1.1 Demografi Pelajar**

Item soal selidik yang pertama ialah berkenaan jantina responden. Sebagaimana yang diperoleh daripada dapatan kajian, responden perempuan melebihi responden lelaki dengan jumlah yang agak tinggi iaitu sebanyak 68%, manakala responden lelaki pula sebanyak 32%. Fenomena ini sememangnya biasa samada di mana-mana institusi pengajian tinggi, mahupun sekolah-sekolah menengah atau rendah, pelajar wanita sememangnya sentiasa mengatasi pelajar lelaki. Jadi ini bukan bermakna penulis yang menetapkan jumlah ini kerana pemilihan responden adalah berdasarkan jumlah keseluruhan pelajar. Pemilihan berasaskan jantina yang berlainan adalah amat perlu


memandangkan telah banyak kajian yang dibuat menunjukkan perbezaan sikap dan pemikiran di antara pelajar lelaki dan perempuan, khususnya dalam pembelajaran bahasa.

Penulis juga mendapati majoriti pelajar yang menyambung pelajaran dalam bidang pengajian Islam di UniSZA telah mempunyai latar belakang agama dan bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan soal selidik yang dijalankan iaitu sebanyak 96% pelajar daripada sekolah menengah agama, manakala hanya 4% yang bukan dari sekolah agama. Ini menunjukkan mereka sudah pun mempunyai asas dalam bahasa Arab semasa di sekolah menengah. Dapatkan ini memperlihatkan pelajar-pelajar ini mempunyai minat untuk mendalami bidang agama ke peringkat yang lebih tinggi, mereka juga berpotensi untuk menguasai bidang bahasa Arab amnya dan Balaghah khususnya. Ini kerana, dengan adanya asas ketika di sekolah menengah maka ini akan lebih memudahkan lagi mereka menguasai bidang ini.

Sementara pada item ke 3, responden memberikan maklumat jabatan masing-masing. Sebagaimana yang diterangkan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam di UniSZA mempunyai lima jabatan berlainan iaitu Jabatan Syari'ah, Usuluddin, Dakwah, al-Quran dan Sunnah dan akhir sekali Jabatan Pendidikan dan Tamadun Islam atau dikenali juga dengan Jabatan Bahasa Arab. Jumlah pelajar yang paling ramai ialah dari Jabatan Syari'ah iaitu sebanyak 35.5%, diikuti Jabatan Usuluddin sebanyak 21%, seterusnya Jabatan al-Quran dan Sunnah sebanyak 17.5%, Jabatan Dakwah pula 13.5% dan akhir sekali ialah Jabatan Bahasa Arab 12.5%. Ini menunjukkan pelajar-pelajar di UniSZA lebih meminati bidang agama khususnya syari'ah berbanding bidang bahasa Arab, ini bergantung kepada beberapa faktor contohnya bidang bahasa Arab dikatakan agak sukar berbanding bidang-bidang lain.

Dapatkan item ke 4 pula menunjukkan keputusan Balaghah pelajar ketika di semester ke 5, mereka diwajibkan mengambil kursus Balaghah 1. Dalam Balaghah 1 mereka diajar tentang pengenalan ilmu Balaghah dan ilmu al-bayan, serta topik-topik yang berkaitan dengan ilmu ini. Walau bagaimanapun, keputusan peperiksaan yang ditunjukkan agak membimbangkan kerana bukan berada pada tahap yang baik, majoriti pelajar mendapat C iaitu sebanyak 42.5%, diikuti B pula sebanyak 42%, manakala jumlah yang mendapat keputusan cemerlang hanya 9%, jumlah gagal pula sebanyak 6.5%.

Item yang terakhir, pelajar disoal tentang minat mereka dalam mempelajari bahasa Arab, dapatkan bagi soalan ini ini agak menarik bagi penulis kerana kita menjangkakan semua pelajar yang mengambil pengajian Islam sedar dan faham tentang kepentingan bahasa Arab dan realiti kedua-dua bidang ini tidak dapat dipisahkan. Namun, hasil kajian ini menunjukkan ada juga kumpulan pelajar pengajian Islam ini yang menyatakan rasa kurang minat ataupun tidak minat terhadap bahasa Arab. Walaupun begitu, jumlah pelajar yang berminat masih berada pada kedudukan tertinggi, iaitu sebanyak 56% daripada keseluruhan responden yang berminat dengan bahasa Arab, diikuti dengan jumlah responden yang sangat berminat iaitu 29.5%. Responden yang menyatakan kurang minat sebanyak 12.5%, dan akhir sekali tidak minat sebanyak 2%. Carta 5.1 menunjukkan taburan minat pelajar terhadap bahasa Arab.




**Carta 5.1 : Minat Terhadap Bahasa Arab**

### **5.1.1.2 Bahagian B**

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan pula perkara-perkara atau item-item yang terkandung di dalam soal selidik. Item-item tersebut telah dibina dan disediakan berpandukan kepada objektif kajian. Oleh yang demikian, aspek perbincangan di dalam Bahagian B ini akan memberi tumpuan kepada ketiga-tiga persoalan kajian seperti mana yang telah diperjelaskan sebelum ini.

### **5.2.1 Deskriptif Minat dan pengetahuan Pelajar Dalam Ilmu Balaghah arab**

Perbincangan mengenai kesediaan pelajar terhadap ilmu Balaghah Arab ini akan merujuk kepada carta berikut:



**Carta 5.2: Min Minat dan Pengetahuan Pelajar Dalam Ilmu Balaghah Arab**

Kajian mendapati kebanyakan pelajar mempunyai minat dan pengetahuan yang baik dalam ilmu Balaghah Arab. Min keseluruhan yang dicatatkan dalam aspek perbincangan ini ialah 3.93 yang menunjukkan pada tahap positif. Secara umum, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan item yang terdapat di dalam bahagian ini mendapat respon positif daripada para responden yang telah dipilih. Item pertama menunjukkan catatan min sebanyak 4.10 iaitu pada paras sangat setuju.

Min bagi item kedua pula ialah 4.34 min ini menunjukkan responden berada pada tahap setuju iaitu kebanyakan responden mengetahui tujuan, faedah dan manfaat yang mereka akan perolehi jika mempelajari ilmu Balaghah. Dapatkan pada item ke 3 pula menunjukkan pengetahuan responden bahawa terdapatnya unsur Balaghah dalam bahasa Arab, juga pada aras yang agak tinggi iaitu sebanyak 4.11.


Catatan min keseluruhan 3.36 pada item ke 4 pula menunjukkan aras sederhana, menunjukkan responden kurang bersetuju bahawa mereka berkemampuan untuk

membezakan keindahan gaya bahasa Arab. Manakala item terakhir dalam objektif yang pertama mencatatkan min sebanyak 3.74, analisis jelas membuktikan bahawa minat responden untuk mempelajari Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi juga adalah pada tahap yang baik.

Kesimpulannya, persepsi, minat dan pengetahuan responden terhadap pengajian ilmu Balaghah Arab berada di tahap yang baik. Hal ini adalah merujuk kepada min keseluruhan bagi bahagian I ini iaitu sebanyak 3.93

### **5.2.2 Deskriptif Kesukaran Yang Dihadapi Pelajar Serta Penguasaan Mereka Dalam Pembelajaran Balaghah Peringkat Tinggi**

Kajian akan membincangkan beberapa perkara yang berhubung dengan penguasaan serta permasalahan yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran Balaghah.



Carta 5.3 : Min Penguasaan dan Permasalahan dalam Pembelajaran Balaghah

Secara keseluruhan, carta yang berasaskan 10 item soal selidik ini memperlihatkan min yang agak sederhana berbanding carta sebelumnya. Objektif kedua adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesukaran serta penguasaan pelajar dalam

mempelajari ilmu Balaghah ini. Berdasarkan kepada catatan min keseluruhan iaitu sebanyak 3.57, penulis mendapati responden tidak mempunyai banyak masalah dalam pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah. Situasi ini dapat dilihat dengan jelas di dalam analisis mengikut item-item, di mana min pada hampir setiap item didapati berada pada paras setuju.

Min keseluruhan bagi item ke 6 ialah 3.46, menunjukkan bahawa majoriti dari kalangan responden bersetuju dan mengakui bahawa masa yang diperuntukkan untuk mempelajari ilmu Balaghah adalah mencukupi. Seterusnya item ke 7 jelas menunjukkan majoriti responden menyatakan rasa seronok sepanjang proses pembelajaran ilmu Balaghah, iaitu dengan jumlah keseluruhan min sebanyak 4.06.

Seterusnya, item ke 8 pula telah mencatatkan min keseluruhan sebanyak 3.90. Ini menunjukkan responden dapat memahami nota pembelajaran dengan baik. Item ke 9 berkaitan dengan contoh-contoh daripada al-Quran dan Hadis. Min keseluruhan yang diperoleh ialah sebanyak 4.14, iaitu seramai 86% responden yang lebih gemar contoh daripada al-Quran dan hadis. Min 3.57 bagi item ke 10 pula jelas membuktikan bahawa majoriti responden juga menggemari contoh daripada ayat biasa berbanding sya'ir-sya'ir Arab.

Item ke 11 pula adalah berkenaan kemampuan responden dalam memahami kaedah Balaghah Arab. Min keseluruhan yang direkodkan bagi item ini ialah 3.27. Bagi item ini, penulis mendapati jumlah responden yang bersetuju dengan tidak bersetuju dan kurang setuju mempunyai bilangan yang seimbang. Ini menghasilkan min yang berada pada paras kurang setuju. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ke 12 pula ialah 4.09. Catatan tersebut memberi gambaran bahawa kebanyakan responden dapat mengikut kaedah P&P yang digunakan pensyarah masing-masing.

Min bagi item ke 13 pula ialah 3.02. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar dari kalangan responden kurang bersetuju terhadap item ini. Responden didapati kurang bersetuju bahawa guru lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar semasa mengajar Balaghah daripada bahasa Melayu. Dapatan min bagi item ke 14 juga menunjukkan responden kurang bersetuju bahawa pensyarah banyak menggunakan alat bantu selain dari teks. Min yang dicatatkan sebanyak 3.34. Akhir sekali responden dikehendaki menyatakan tentang kemampuan mereka menentukan unsur balaghah di dalam al-Quran dan hadis. Didapati majoriti responden berada pada aras kurang pasti dan tidak bersetuju. Ini membuktikan pelajar-pelajar ini hanya mampu menguasai teori berbanding praktikal.

### **5.2.3 Deskriptif Keberkesanan Pembelajaran al-Balaghah di Peringkat Tinggi**

Penilaian merupakan satu komponen yang amat penting dalam sesuatu kurikulum pendidikan. Ia bukanlah semata-mata mekanisma untuk mengukur pencapaian pelajar di akhir kursus, malah keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pengumpulan maklumat secara berterusan bagi membolehkan keputusan-keputusan tertentu dibuat. Selain daripada itu, penaksiran atau penilaian juga mempengaruhi peluang dan masa depan pelajar. Pelbagai keputusan yang berkait dengan peluang pembelajaran, biasiswa dan pekerjaan bergantung kepada tafsiran dan penilaian sesuatu hasil penaksiran dan penilaian (Kaseh Abu Bakar dan Ismail Hassanein : 223).



Carta 5.4: Min Keberkesanan pembelajaran Balaghah dalam kalangan pelajar.

Analisis huraihan bagi objektif ketiga ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah di kalangan pelajar. Jadual 4.42 di atas menunjukkan hasil analisis bagi objektif berkenaan berdasarkan min dan peratus bagi setiap item. Pada item 16 yang merupakan item pertama dalam bahagian ini, min keseluruhan yang dicatatkan ialah 3.85. Penyelidik mendapati 67.0% responden bersetuju terhadap item ini. Mereka mengakui bahawa mereka mengetahui dalam bahasa Arab terdapat banyak ayat yang berunsurkan sastera. Ini diikuti pula dengan catatan min pada item 17 iaitu sebanyak 3.70. Terdapat 42% responden yang tidak bersetuju terhadap item ini, manakala majoriti yang lain bersetuju bahawa mereka dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur Balaghah.

Manakala, item 18 menunjukkan catatan min keseluruhan sebanyak 3.62. Hal ini kerana majoriti responden memberikan respon positif terhadap kenyataan bahawa mereka dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Bayan.

Analisis seterusnya menunjukkan item 19 mencatatkan min keseluruhan yang sederhana iaitu 3.61. Sama seperti item sebelumnya, bilangan responden yang bersetuju mempunyai jumlah yang lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju. Daripada item ini, didapati bahawa golongan yang dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *insyā'*, *khabar* dan lain-lain adalah sebanyak 56%. menunjukkan responden bersikap setuju terhadap item ini. Justeru itu, penulis mendapati lebih ramai responden yang merasakan bahawa mereka mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Badī'* seperti *al-Jinās*, *al-Ùibāq* dan lain-lain.

Seterusnya item 20 merekodkan catatan min yang baik iaitu 4.13. Lebih 80% responden bersetuju bahawa mereka mengetahui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah. Di samping itu, tiada seorang responden pun yang memilih skor sangat tidak setuju bagi item ini. Min bagi item ke 21 pula menunjukkan min pada aras tinggi juga iaitu 3.74 iaitu 62% menunjukkan responden bersetuju dengan item ini. Ia menjelaskan pembelajaran Balaghah menambahkan minat mereka terhadap bahasa Arab.

Min bagi item 22 yang dipaparkan dalam jadual di atas memberi gambaran jelas bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju terhadap item yang disediakan. Catatan min sebanyak 3.19 menunjukkan bahawa responden tidak biasa dengan bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan. Item yang seterusnya menunjukkan catatan min terendah iaitu sebanyak 2.86, skor tidak setuju adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 29%, manakala 11% memilih skor sangat tidak setuju. Bilangan responden

yang bersetuju pula sebanyak 27%, disokong oleh mereka yang sangat setuju sebanyak 5.5%. Ini menujelaskan bahawa pelajar tidak menggemari soalan yang berbentuk hafazan berbanding kefahaman.

Item seterusnya adalah berkenaan soalan yang menggunakan contoh dari al-Quran berbanding syair-syair Arab. Pelajar lebih menggemari contoh-contoh yang lebih mudah difahami iaitu daripada al-Quran. Ini dibuktikan dengan catatan min yang agak tinggi iaitu sebanyak 4.32, iaitu 80% responden bersetuju dan sangat setuju dengan item ini, manakala hanya 3.5% yang tidak bersetuju dan selebihnya menyatakan tidak pasti. Item terakhir menunjukkan min sebanyak 2.75 yang mana agak rendah juga. Skor tertinggi ialah pada jawapan kurang pasti sebanyak 46%. Manakala 15% yang lain memilih jawapan tidak setuju, dan sebanyak 32% responden bersetuju dengan item ini. Ia menunjukkan responden masih kurang pasti adakah soalan peperiksaan dapat menguji tahap penguasaan mereka dalam subjek Balaghah. Secara keseluruhannya, min yang diperoleh ialah sebanyak 3.58 iaitu pada aras bersetuju. Ini bermakna majoriti responden merasai keberkesanan pembelajaran ilmu Balaghah yang mereka lalui.

### **5.3 Dapatan Ujian Pencapaian Balaghah**


UPB dilaksanakan bagi melihat sejauh mana pengetahuan dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran Balaghah. Hasil ujian ini mendapat majoriti pelajar dapat menjawab dengan baik serta mendapat kelulusan cemerlang.

Walau bagaimanapun, penulis tetap berpendapat tahap penguasaan pelajar masih ditahap membimbangkan. Ini kerana aras kesukaran UPB yang dilaksanakan agak rendah jika dibandingkan tahap mereka yang berada dalam peringkat tertinggi iaitu IPT. Penulis menjangkakan lebih ramai yang akan mendapat keputusan cemerlang. Begitu juga, tidak sepatutnya ada pelajar yang gagal dalam ujian ini atau hanya mendapat gred lulus semata-mata.

Justeru itu, penulis tidak hanya bergantung kepada UPB yang dijalankan bagi menilai tahap penguasaan pelajar, bahkan penulis juga telah membuat beberapa analisis terhadap aspek-aspek yang lain, antaranya soal selidik yang dijalankan, serta analisis terhadap dokumen seperti keputusan peperiksaan semester-semester lepas. Disamping itu, penulis juga mendengar daripada pengalaman pensyarah-pensyarah secara tidak formal.



Carta 5.5: Peratus Pencaapaian Pelajar dalam UPB



Carta 5.6 Peratusan Pencaapaian Pelajar Menjawab Mengikut Bahagian Soalan A, B, C.

Jika dibuat perbandingan dapatan markah mengikut bahagian soalan, pelajar nampaknya lebih menguasai soalan di bahagian B yang merupakan soalan berbentuk

pengetahuan dan kefahaman. Maklumat-maklumat yang ditanya berkaitan dengan sukatan pelajaran. Pelajar dapat menjawab dengan baik mungkin kerana soalan-soalan ini berkaitan dengan apa yang telah dipelajari sepanjang semester. Mereka juga telah biasa mendengar dan menghafal jawapan terhadap soalan-soalan tersebut. Soalan-soalan yang ditanya juga hanya berkisarkan pengetahuan dan kefahaman yang tidak benar-benar menguji kemahiran berfikir.

Manakala peratus tertinggi yang kedua ialah pada bahagian A, soalan pada bahagian ini juga berbentuk pengetahuan, tetapi lebih secara umum dan tidak berkaitan dengan topik yang diajar di dalam kuliyyah. Ini bererti, ianya tidak terdapat dalam nota serta sukatan pelajaran. Jadi tidak hairanlah peratus menjawab dengan betul lebih rendah jika dibandingkan dengan soalan di bahagian B, kerana mereka tidak biasa dengan maklumat-maklumat yang ditanya. Hanya pelajar-pelajar yang peka dengan maklumat-maklumat ini dapat menjawab dengan betul.

Akhir sekali, peratus yang terendah ialah pada bahagian C. Sebagaimana yang dimaklum, soalan pada bahagian ini menguji kebolehan pelajar dalam aplikasi ilmu Balaghah, iaitu membentuk struktur ayat. Ini menunjukkan kelemahan pelajar dalam membina struktur ayat, walaupun soalan-soalan berdasarkan sukatan pelajaran.

Secara keseluruhannya, carta ini menunjukkan kemampuan keseluruhan pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah. Melalui ujian ini juga, tenaga-tenaga pengajar dapat membuat analisis dan penekanan terhadap aspek-aspek kelemahan pelajar. Mereka perlu lebih menekankan aplikasi ilmu Balaghah, contohnya dalam membina struktur ayat serta menguasai contoh-contoh dalam setiap bab. Pelajar juga perlu didedahkan dengan pengetahuan-pengetahuan umum tentang ilmu Balaghah, bukan hanya yang berkaitan dengan sukatan pelajaran. Pelajar juga perlu sentiasa diberi latihan dengan soalan berbentuk kemahiran berfikir bukan sekadar hafalan semata-mata.

## **5.4. Sukatan Pelajaran**

### **5.4.1 Kandungan Pro-Forma Kursus**

Bagi kursus Balaghah 2 kod kursus ialah BKA 3022, kursus ini diwajibkan sebanyak 3 jam kredit kepada pelajar diploma di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam semester enam. Antara Objektif utama kursus ini ialah supaya pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih baik, disamping dapat menguasai serta merasai ilmu kesusasteraan Arab dan memahami teks Arab yang dibaca.

Selain itu, antara objektif-objektif lain kursus ialah supaya pelajar dapat mendalami uslub atau gaya bahasa Arab, seterusnya dapat mengaplikasikannya di dalam penulisan dan komunikasi iaitu dengan menggunakan bahasa yang jelas dan tersusun mengikut kemampuan mereka sebaik yang mungkin. Kaedah penilaian yang digunakan pula ialah pelajar akan melalui tiga ujian iaitu ujian awal semester mewakili 20%, pertengahan semester juga 20% manakala akhir semester sebanyak 40%. Selain itu pelajar juga dinilai melalui kerja kursus, kuiz, pembentangan dan lain-lain lagi sepanjang pembelajaran kursus Balaghah yang mewakili 20% markah, menjadikan markah keseluruhan sebanyak 100%.

### **5.4.2 Sukatan Pelajaran**

Sukatan pelajaran meliputi tiga seni utamanya iaitu *Fann al-Ma’ÉnÊ*, *Fann al-BayÉn* dan *Fann al-BadÊ‘*. *Fan al-Bayan* diajar dalam Balaghah I, manakala *Fann al-Ma’ÉnÊ* dan *Fann al-BadÊ‘* dimasukkan kedalam kursus Balaghah II.

#### **Balaghah 1**

Di dalam kursus ini pelajar-pelajar didedahkan secara keseluruhan tentang ilmu BayÉn atau *Fann al-BayÉn*. Ianya dibahagikan kepada tujuh bab. Antara topik-topik yang dibincangkan dalam bab yang pertama ialah tarikh-tarikh penting dalam sejarah

Balaghah merangkumi perkembangan ilmu ini serta ulama'-ulama' masyhur yang memainkan peranan penting dalam perkembangannya.

Diikuti dengan bab kedua iaitu ilmu *al-TasybÊh*, meliputi takrif, rukun-rukun *tasybÊh*, *adat tasybÊh*, *wajh syabah*, pembahagian *tasybÊh* serta tujuan *tasybÊh*. Bab ketiga pula tentang *HaqÊqat* dan *MajÊz* merangkumi takrif dan jenis-jenis *majÊz*. Bab keempat ialah tentang *Isti'Érah*, rukun serta pembahagian *Isti'Érah*. Bab kelima pula akan membincangkan tajuk berkenaan *MajÊz Mursal* serta pembahagiannya. Bab keenam *MajÊz al-'Aql* dan akhir sekali dalam bab ketujuh akan diulas tentang *kinÉyah*.

